

# KAJIAN PENYERTAAN DAN PEMERKASAAN PENGGUNA TERHADAP KESELAMATAN MAKANAN DI SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN



Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,  
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan dan Institut Kesihatan Umum  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
dengan kerjasama

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan  
Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia





**KAJIAN  
PENYERTAAN DAN PEMERKASAAN  
PENGGUNA TERHADAP KESELAMATAN  
MAKANAN DI SEKOLAH RENDAH  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,  
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan dan Institut Kesihatan Umum  
Kementerian Kesihatan Malaysia

dengan kerjasama

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan  
Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**ISBN 978-967-16048-2-3**

**Semua Hak Terpelihara ©**

Semua bahan yang diterbitkan dalam buku laporan ini merupakan hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak penerbit dan editorial.

**Diterbitkan oleh:**

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Rumah Sakit Bangsar  
59000 Kuala Lumpur  
Telefon: (6)03-2082 1400  
Fax: (6)03-2284 9080  
Emel: [tadbir\\_iptk@moh.gov.my](mailto:tadbir_iptk@moh.gov.my)

**Sebarang pertanyaan mengenai laporan ini boleh ditujukan kepada:**

**Penyelidik utama:**

Abdul Hadi bin Ismail  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 4, Menara Prisma  
No 26, Jalan Persiaran Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 3, 62675 Putrajaya  
Telefon: (6)03-8885 0797  
Faks: (6)03-8885 0790  
Emel: [hadi\\_ismail@moh.gov.my](mailto:hadi_ismail@moh.gov.my)

**Cadangan petikan:**

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) 2017. Kajian Penyertaan Pemerksaan Pengguna (*Consumer Participation Empowerment*) Keselamatan Makanan di Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan di Bawah *Asean Expert Group Food Safety (AEGFS)*, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**JAWATANKUASA TASK FORCE****Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan**

Shamsinar Binti Abdul Talib  
 Abdul Hadi Bin Ismail  
 Mohd Nurul Haryadie Bin Mazuki  
 Laila Binti Muhammad  
 Nurhazwani Binti Abd Rahman  
 Nuurul Hidayah Binti Sharipan  
 Hasniza Binti Hassan  
 Nur Juaini Binti Md Jusoh

**Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan**

Mohd Nasir Bin Abdullah  
 Suraiya Binti Syed Mohamed  
 Md Sabtuah Bin Mohd Royali  
 Pises Busu  
 Kamarul Zaman Bin Salleh  
 Nor Haryati Binti Ahmad Sanusi  
 Siti Nur Farhana Binti Harun

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

Zafrullah Bin Shamsudin  
 Sanoyah Binti Yusof  
 Sharida Hanim Binti Sarif

**Institut Kesihatan Umum**

Tahir Bin Aris  
 Maria Safura Binti Mohamad  
 Norazizah Binti Ibrahim Wong

**PENGUMPUL DATA****Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan**

Suraiya Binti Syed Mohamed  
 Md Sabtuah Bin Mohd Royali  
 Kamarul Zaman Bin Salleh  
 Nor Haryati Binti Ahmad Sanusi  
 Siti Nur Farhana Binti Harun  
 Siti Normah Binti Abdul Manan  
 Muhd Nizam Bin Mohd Nasir

**Jabatan Kesihatan Negeri**

Sazly Azizuddin Bin Sahaimi  
 Habsah Binti Rahman  
 Juliana Binti Jaafar  
 Hermy Bin Mohd Yeet  
 Mohd Fadzil Bin Yaakob  
 Faezah Arabi Binti Arabi Mohamed

Cheah Wei Yen  
 Aeddy Lubin  
 Balkis Binti Mohadzir  
 Nurul Asyikin Binti Ismail  
 Nor Hidayah Binti Mat Zin  
 Norika Nadira Binti Mohamed Bazin  
 Azhari Bin Abdul Rahman  
 Wan Nadirah Binti Wan Chik  
 Juhara Binti Lapilte

**EDITORIAL****Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan**

Abdul Hadi Bin Ismail  
 Hasniza Binti Hassan  
 Mohd Nurul Haryadie Bin Mazuki  
 Laila Binti Muhammad  
 Nurul Hidayah Binti Sharipan  
 Nurhazwani Binti Abd Rahman

**Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan**

Manimaran A/L Krishnan  
 Noorlaile Binti Jasman  
 Suraiya Binti Syed Mohamed  
 Kamarul Zaman Bin Salleh  
 Md Sabtuah Bin Mohd Royali  
 Nor Haryati Binti Ahmad Sanusi  
 Siti Nur Farhana Binti Harun

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

Sanoyah Binti Yusof  
 Sharida Hanim Binti Sarif

**Institut Kesihatan Umum**

Maria Safura Binti Mohamad  
 Nor Asiah Binti Muhamad  
 Norazizah Binti Ibrahim Wong

# Kata Aluan



**Noraini Binti  
Dato' Mohd Othman**

Pengarah Kanan  
Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya berpeluang untuk menzahirkan sepatah dua kata di dalam laporan kajian ini.

Akhir-akhir ini negara sering dikejutkan dengan beberapa kejadian keracunan makanan yang merupakan salah satu isu keselamatan makanan yang turut dihadapi oleh negara-negara ASEAN. Salah satu program yang telah dikenalpasti di peringkat ASEAN dalam menangani isu berkaitan keselamatan makanan adalah melalui Kajian Penyertaan Pemerkaasaan Pengguna (*Consumer Participation and Empowerment*) Keselamatan Makanan di Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan di bawah *ASEAN Expert Group for Food Safety (AEGFS)*. Kajian ini memberi fokus kepada komuniti sekolah rendah.

Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian ini bagi mendapatkan data asas mengenai tahap pengetahuan, sikap, dan amalan berkaitan keselamatan makanan di sekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memantapkan program promosi kesihatan keselamatan dan kualiti makanan yang lebih efektif dan efisien.

Harapan saya, laporan ini juga dapat digunakan sebagai salah satu rujukan berkaitan kajian keselamatan makanan dalam meningkatkan status kesihatan warga sekolah.

Sekian, terima kasih.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana memberi kebenaran untuk menerbitkan laporan ini. Penghargaan ini juga di tujukan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) atas segala nasihat dan sokongan. Penghargaan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas segala bantuan dalam memberikan input teknikal serta kebenaran untuk melaksanakan kajian ini di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam menjayakan kajian ini termasuk Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Negeri, Unit Promosi Kesihatan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah serta semua Guru Besar di 213 buah sekolah rendah di bawah kelolaan KPM yang terlibat dalam pelaksanaan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua responden yang telah menyertai kajian ini. Pengorbanan masa dan tenaga yang dicurahkan amatlah dihargai.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### KAJIAN PENYERTAAN PEMERKASAAN PENGGUNA (CONSUMER PARTICIPATION EMPOWERMENT) KESELAMATAN MAKANAN DI SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN DI BAWAH ASEAN EXPERT GROUP FOOD SAFETY (AEGFS)

Keselamatan makanan adalah perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh komuniti sekolah. Pengabaian aspek keselamatan makanan boleh menyebabkan keracunan makanan terutamanya kepada murid sekolah. Sehubungan dengan itu, aspek penjagaan kebersihan diri pengendali makanan, cara pengendalian makanan yang betul, kebersihan kantin dan pengetahuan serta sikap terhadap keselamatan makanan dalam kalangan komuniti sekolah boleh mengurangkan risiko keracunan makanan. Pemerksaan pengguna iaitu komuniti sekolah dalam menekankan aspek keselamatan makanan akan membantu pihak KKM dan KPM dalam Kajian ini telah dijalankan pada tahun 2016 dan proses pengumpulan data bermula Jun hingga September 2016 serta melibatkan sebanyak 213 buah sekolah rendah di seluruh Malaysia.

Responden terdiri daripada:

- i. **Pentadbir sekolah** (636 responden),
- ii. **Guru pendidik kesihatan** (600 responden),
- iii. **Guru kelas tahap dua** (639 responden),
- iv. **Ibu bapa atau penjaga** (635 responden),
- v. **Murid** (1973 responden) dan
- vi. **Pengusaha kantin dan pengendali makanan** (581 responden).

Kajian ini menggunakan kaedah *multi stage cluster sampling* dan kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan berkaitan keselamatan makanan dalam pelaksanaan pemerksaan penyertaan pengguna (*consumer participation empowerment*) di sekolah rendah di Malaysia.

### Dapatan kajian

Secara keseluruhannya, responden yang terdiri daripada pentadbir sekolah, guru kelas tahap 2, guru pendidik kesihatan, ibu bapa dan penjaga, menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi, sikap yang positif dan amalan yang baik terhadap keselamatan makanan. Sementara itu, tahap pengetahuan pengusaha kantin dan pengendali makanan serta murid didapati pada tahap sederhana, namun tahap sikap mereka adalah positif dan amalan mereka adalah baik.

#### 1. Pentadbir sekolah:

- **Tahap pengetahuan:** Majoriti pentadbir sekolah memiliki tahap pengetahuan yang tinggi (93.8%) berkaitan keselamatan makanan terutamanya berkaitan kepentingan tarikh luput pada pembungkus makanan dan minuman serta bahaya bahan kimia (racun tikus, serangga) yang diletakkan berhampiran bahan mentah.
- **Tahap sikap:** Sebanyak 66.9% responden menunjukkan sikap yang positif terutamanya berkaitan mencuci tangan dengan sabun sebelum makan.
- **Tahap amalan:** Sebanyak 88.9% responden menunjukkan amalan yang baik terhadap keselamatan makanan terutamanya berkaitan aspek mencuci tangan selepas membuang sampah dan mencuci tangan selepas keluar dari tandas.

#### 2. Guru kelas tahap 2:

- **Tahap pengetahuan:** Majoriti (82.1%) responden menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi terutamanya berkaitan surat khabar tidak selamat digunakan sebagai pembungkus makanan dan tarikh luput pada pembungkus makanan dan minuman adalah penting.
- **Tahap sikap:** Sikap yang positif (76.4%) ditunjukkan oleh responden terhadap keselamatan makanan terutamanya berkaitan kepentingan mengetahui tarikh luput dan membaca label makanan pada pembungkus makanan.
- **Tahap amalan:** Sebanyak 88.3% responden juga menunjukkan amalan yang baik berkaitan keselamatan makanan terutamanya dalam mengelak memakan makanan yang mempunyai benda asing seperti rambut. Namun begitu, hanya 40.8% responden sahaja yang menghidu makanan sebelum makan.



### 3. Guru pendidik kesihatan:

- **Tahap pengetahuan:** Responden menunjukkan peratusan tahap pengetahuan yang tinggi (75.7%) di mana majoriti responden tahu tangan yang bersih mampu mencegah berlakunya keracunan makanan dan peralatan pinggan mangkuk mesti menggunakan sabun pencuci pinggan bagi mengelak pencemaran makanan.
- **Tahap sikap:** Sikap positif terhadap keselamatan makanan ditunjukkan oleh 66.3% responden terutamanya berkaitan aspek mencuci tangan sebelum makan dan tidak selamat makan makanan yang sudah dihidang melebihi 4 jam.
- **Tahap amalan:** Sebanyak 77.0% responden menunjukkan amalan yang baik terhadap keselamatan makanan terutamanya berkaitan kepentingan mencuci tangan dan memastikan kebersihan tangan yang mampu mencegah keracunan makanan.

### 4. Pengusaha kantin dan pengendali makanan:

- Majoriti (84.9%) responden telah menghadiri latihan pengendali makanan (LPM).
- **Tahap pengetahuan:** Adalah sederhana iaitu 59.0% terutamanya berkaitan cara penyimpanan yang betul dalam peti sejuk dan penggunaan tuala untuk mengelap tangan serta pinggan mangkuk.
- **Tahap sikap:** Responden menunjukkan tahap sikap yang positif (69.9%) terhadap keselamatan makanan antaranya berkaitan kepentingan tangan yang bersih dan kebersihan kantin. Namun responden bersikap kurang positif dengan makanan yang telah dicemari batu kecil dan bahaya memakan makanan yang telah dimasak melebihi 4 jam.
- **Tahap amalan:** Sebanyak 59.2% responden sahaja yang menunjukkan tahap amalan yang baik berkaitan keselamatan makanan dan masih ada segelintir responden yang tidak mengambil berat tentang kebersihan kantin dan risiko membeli makanan dalam tin yang kemek.
- Tahap pendidikan responden didapati menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan pengetahuan dan amalan mereka terhadap keselamatan makanan.

### 5. Ibu bapa dan penjaga:

- **Tahap pengetahuan:** Dapatan kajian menunjukkan, ibu bapa atau penjaga memiliki tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan keselamatan makanan iaitu 93.1% terutamanya dalam aspek berkaitan tarikh luput dan penggunaan surat khabar sebagai pembungkus makanan.
- **Tahap sikap:** Secara keseluruhannya, tahap sikap responden juga positif (69.6%) namun kurang positif berkaitan membeli makanan di tepi jalan.
- **Tahap amalan:** Tahap amalan responden adalah baik (83.0%) terutamanya dalam mengamalkan cuci tangan setiap kali sebelum makan dan mencuci tangan selepas buang sampah serta tidak memakan makanan yang telah dihinggapi lalat.

### 6. Murid:

- **Tahap pengetahuan:** Pengetahuan responden didapati pada tahap sederhana (85.1%) terhadap keselamatan makanan terutamanya berkaitan kepentingan tangan yang bersih, penggunaan surat khabar sebagai pembungkus makanan dan makanan yang telah dicemari dengan rambut.
- **Tahap sikap:** Sikap murid secara keseluruhannya adalah positif (65.9%) terutamanya berkaitan kepentingan membasuh tangan dengan sabun dan kepentingan membaca maklumat label pada pembungkus makanan.
- **Tahap amalan:** Amalan responden juga adalah baik (54.9%) terutamanya berkaitan tidak memakan makanan yang telah berkulat dan dihinggapi lalat.
- Jantina murid serta pekerjaan ibu bapa mereka didapati menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan tahap amalan murid terhadap keselamatan makanan.

Kesimpulannya, kajian ini telah menyediakan data asas kepada KKM dan KPM berkaitan tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap keselamatan makanan dalam kalangan komuniti sekolah. Apa yang pasti, pelbagai usaha dan program telah dijalankan oleh pihak KKM dan KPM dalam meningkatkan kesedaran dan amalan berkaitan keselamatan makanan. Program intervensi yang berterusan dengan mengambilkira dapatan kajian ini pastinya akan dapat membantu meningkatkan kesedaran dan amalan dalam meningkatkan tahap keselamatan makanan serta seterusnya mengurangkan risiko keracunan makanan di sekolah. Antara intervensi yang dicadangkan ialah dengan memperkasakan lagi program-program keselamatan makanan seperti *Germ Buster* dan Program Doktor Muda dengan kerjasama pihak swasta dari segi aspek sokongan untuk menjayakan program-program kesedaran. Modul Latihan Pengendali Makanan (LPM) oleh KKM juga perlu disemak semula dan ditambahbaik bagi memastikan latihan kepada pengendali makanan yang diberikan adalah berkesan. Di samping itu, dicadangkan agar latihan semula perlu diberikan kepada pengusaha kantin dan pengendali makanan yang terlibat dengan pencemaran makanan bagi memastikan kejadian keracunan tidak berulang.

# KANDUNGAN

<b>KATA ALUAN</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>vi</b>
<b>1.0 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Permasalahan Kajian	<b>2</b>
1.2 Justifikasi Kajian	<b>3</b>
1.3 Kepentingan Kajian	<b>3</b>
1.4 Objektif Kajian	<b>3</b>
1.4.1 Objektif Umum	<b>3</b>
1.4.2 Objektif Khusus	<b>3</b>
1.5 Definisi Konsep	<b>4</b>
1.5.1 Makanan	<b>4</b>
1.5.2 Pencemaran Makanan	<b>4</b>
1.5.3 Keracunan Makanan	<b>4</b>
1.5.4 Pengendali Makanan	<b>4</b>
1.5.5 Pemeraksanaan Pengguna	<b>4</b>
1.5.6 Komuniti Sekolah Rendah	<b>4</b>
<b>2.0 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>4</b>
2.1 Rekabentuk Kajian	<b>4</b>
2.2 Tempoh Kajian	<b>4</b>
2.3 Lokasi Kajian	<b>5</b>
2.4 Populasi Sasaran	<b>5</b>
2.5 Sampel Kajian	<b>5</b>
2.5.1 Kaedah Pensampelan	<b>5</b>
2.5.2 Pengiraan Saiz Sampel	<b>6</b>
2.6 Kriteria Penerimaan	<b>7</b>
2.7 Kriteria Penolakan	<b>7</b>
2.8 Etika Kajian	<b>7</b>
2.9 Pengumpulan Data	<b>7</b>
2.10 Instrumen Kajian & Pra Uji	<b>8</b>
2.11 Kesahihan	<b>8</b>
2.12 Pengurusan Data	<b>9</b>
2.13 Analisis Data	<b>9</b>
2.14 Pembahagian Skor	<b>9</b>

<b>3.0 HASIL KAJIAN</b>	<b>10</b>
<b>3.1 Profil Sekolah</b>	<b>10</b>
3.1.1 Maklumat Sekolah	10
3.1.2 Maklumat Guru	11
3.1.3 Infrastruktur dan Fasiliti Sekolah	11
3.1.4 Pelaksanaan Keselamatan Makanan di Sekolah	12
3.1.5 Peraturan Keselamatan Makanan	12
3.1.6 Pendidikan Keselamatan Makanan di Sekolah	12
<b>3.2 Pentadbir Sekolah</b>	<b>12</b>
3.2.1 Demografi Pentadbir Sekolah	12
3.2.2 Pengetahuan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	14
3.2.3 Pengetahuan Pentadbir Sekolah Mengikut Demografi	14
3.2.4 Sikap Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	14
3.2.5 Sikap Pentadbir Sekolah Mengikut Demografi	15
3.2.6 Amalan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	15
3.2.7 Amalan Pentadbir Sekolah Mengikut Demografi	16
<b>3.3 Guru Pendidik Kesihatan</b>	<b>16</b>
3.3.1 Demografi Guru Pendidik Kesihatan	16
3.3.2 Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	17
3.3.3 Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Mengikut Demografi	18
3.3.4 Sikap Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	18
3.3.5 Sikap Guru Pendidik Kesihatan Mengikut Demografi	18
3.3.6 Amalan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	18
3.3.7 Amalan Keselamatan Makanan Guru Pendidik Kesihatan Mengikut Demografi	19
3.3.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan Guru Pendidik Kesihatan	19
<b>3.4 Guru Kelas Tahap Dua (2)</b>	<b>19</b>
3.4.1 Demografi Guru Kelas Tahap Dua (2)	19
3.4.2 Pengetahuan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan	21
3.4.3 Pengetahuan Guru Kelas Tahap Dua (2) Mengikut Demografi	21
3.4.4 Sikap Guru Kelas Tahap Dua(2) Terhadap Keselamatan Makanan	21
3.4.5 Sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) Mengikut Demografi	22
3.4.6 Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan	22
3.4.7 Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Mengikut Demografi	22
3.4.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan Guru Kelas Tahap Dua (2)	23

<b>3.5</b>	<b>Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan</b>	<b>23</b>
3.5.1	Demografi Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	23
3.5.2	Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	24
3.5.3	Tahap Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Mengikut Demografi	25
3.5.4	Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	25
3.5.5	Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Mengikut Demografi	25
3.5.6	Amalan Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	26
3.5.7	Amalan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Mengikut Demografi	26
3.5.8	Pelaksanaan Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	26
<b>3.6</b>	<b>Ibu Bapa atau Penjaga</b>	<b>27</b>
3.6.1	Demografi Ibu Bapa atau Penjaga	27
3.6.2	Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	28
3.6.3	Tahap Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi	28
3.6.4	Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	28
3.6.5	Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi	29
3.6.6	Amalan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	29
3.6.7	Amalan Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi	29
3.6.8	Pelaksanaan Keselamatan Makanan Ibu Bapa atau Penjaga	29
<b>3.7</b>	<b>Murid Tahun 4 dan 5</b>	<b>30</b>
3.7.1	Demografi Murid Tahun 4 dan 5	30
3.7.2	Pengetahuan Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	31
3.7.3	Tahap Pengetahuan Murid Tahun 4 dan 5 Mengikut Demografi	31
3.7.4	Sikap Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	31
3.7.5	Sikap Murid Tahun 4 dan 5 Mengikut Demografi	32
3.7.6	Amalan Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	32
3.7.7	Amalan Murid Tahun 4 dan 5 Mengikut Demografi	32
3.7.8	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Murid Tahun 4 dan 5)	32
3.7.9	Sumber Maklumat Keselamatan Makanan (Murid Tahun 4 dan 5)	33
<b>4.0</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	<b>33</b>
4.1	Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua, Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa Dan Penjaga	33
4.1.1	Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa atau Penjaga	33
4.1.2	Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa atau Penjaga	33
4.1.3	Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik kesihatan dan Ibu Bapa Atau Penjaga	34

4.2	Pengusaha kantin/ Pengendali makanan	<b>35</b>
4.2.1	Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>35</b>
4.2.2	Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>36</b>
4.2.3	Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>36</b>
4.3	Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)	<b>37</b>
4.3.1	Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun 4 dan 5	<b>37</b>
4.3.2	Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun 4 dan 5	<b>38</b>
4.3.3	Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun 4 dan 5	<b>38</b>
4.3.4	Pelaksanaan Keselamatan Makanan	<b>39</b>
4.3.5	Sumber Maklumat Keselamatan Makanan	<b>39</b>
<b>5.0</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>39</b>
<b>6.0</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>41</b>
<b>7.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>43</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>No.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Jadual 2.1</b>	Bilangan Sekolah Kajian Mengikut Negeri	<b>6</b>
<b>Jadual 2.2</b>	Kaedah Pengumpulan Data	<b>7</b>
<b>Jadual 2.3</b>	Perincian Soal Selidik	<b>8</b>
<b>Jadual 3.1</b>	Bilangan Sekolah Kajian yang Terlibat Mengikut Negeri	<b>10</b>
<b>Jadual 3.2</b>	Demografi Pentadbir Sekolah	<b>13</b>
<b>Jadual 3.3</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>14</b>
<b>Jadual 3.4</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>15</b>
<b>Jadual 3.5</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>15</b>
<b>Jadual 3.6</b>	Demografi Guru Pendidik Kesihatan	<b>16</b>
<b>Jadual 3.7</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>17</b>
<b>Jadual 3.8</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>18</b>
<b>Jadual 3.9</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>19</b>
<b>Jadual 3.10</b>	Demografi Diri Guru Kelas Tahap Dua (2)	<b>20</b>
<b>Jadual 3.11</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Keselamatan Makanan dalam Kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2)	<b>21</b>
<b>Jadual 3.12</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>21</b>
<b>Jadual 3.13</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Keselamatan Makanan Dalam Kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2)	<b>22</b>
<b>Jadual 3.14</b>	Demografi Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>23</b>
<b>Jadual 3.15</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>24</b>
<b>Jadual 3.16</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Keselamatan Makanan dalam Kalangan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>25</b>
<b>Jadual 3.17</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>26</b>
<b>Jadual 3.18</b>	Demografi Ibu Bapa atau Penjaga	<b>27</b>
<b>Jadual 3.19</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>28</b>
<b>Jadual 3.20</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>28</b>
<b>Jadual 3.21</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>29</b>
<b>Jadual 3.22</b>	Demografi Murid Tahun 4 dan 5	<b>30</b>
<b>Jadual 3.23</b>	Tahap Pengetahuan Keseluruhan Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	<b>31</b>
<b>Jadual 3.24</b>	Tahap Sikap Keseluruhan Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	<b>31</b>
<b>Jadual 3.25</b>	Tahap Amalan Keseluruhan Murid Tahun 4 dan 5 Terhadap Keselamatan Makanan	<b>32</b>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>No.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Lampiran A</b>	Soal Selidik Profil Sekolah	<b>45</b>
<b>Lampiran B</b>	Soal Selidik Pentadbir Sekolah	<b>52</b>
<b>Lampiran C</b>	Soal Selidik Guru Pendidik Kesihatan	<b>57</b>
<b>Lampiran D</b>	Soal Selidik Guru Kelas Tahap Dua (2)	<b>63</b>
<b>Lampiran E</b>	Soal Selidik Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan	<b>69</b>
<b>Lampiran F</b>	Soal Selidik Ibu bapa atau penjaga	<b>75</b>
<b>Lampiran G</b>	Soal Selidik Murid Sekolah (Tahun 4 dan 5)	<b>81</b>
<b>Lampiran I</b>	Infrastruktur dan Fasiliti Sekolah	<b>88</b>
<b>Lampiran 2</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan di Sekolah	<b>90</b>
<b>Lampiran 3</b>	Peraturan Keselamatan Makanan	<b>91</b>
<b>Lampiran 4</b>	Pendidikan Keselamatan di Sekolah	<b>91</b>
<b>Lampiran 5</b>	Pengetahuan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>92</b>
<b>Lampiran 6</b>	Pengetahuan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>94</b>
<b>Lampiran 7</b>	Sikap Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>95</b>
<b>Lampiran 8</b>	Sikap Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>97</b>
<b>Lampiran 9</b>	Amalan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan	<b>98</b>
<b>Lampiran 10</b>	Amalan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>99</b>
<b>Lampiran 11</b>	Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>100</b>
<b>Lampiran 12</b>	Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>101</b>
<b>Lampiran 13</b>	Sikap Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>102</b>
<b>Lampiran 14</b>	Sikap Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>104</b>
<b>Lampiran 15</b>	Amalan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>105</b>
<b>Lampiran 16</b>	Amalan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>106</b>
<b>Lampiran 17</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Guru Pendidik Kesihatan)	<b>107</b>
<b>Lampiran 18</b>	Pengetahuan Keselamatan Makanan Guru Kelas Tahap Dua (2)	<b>108</b>
<b>Lampiran 19</b>	Pengetahuan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>110</b>
<b>Lampiran 20</b>	Sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>111</b>
<b>Lampiran 21</b>	Sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>113</b>
<b>Lampiran 22</b>	Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>114</b>

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>No.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Lampiran 23</b>	Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>115</b>
<b>Lampiran 24</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Guru Kelas Tahap Dua (2))	<b>116</b>
<b>Lampiran 25</b>	Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>117</b>
<b>Lampiran 26</b>	Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>118</b>
<b>Lampiran 27</b>	Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>119</b>
<b>Lampiran 28</b>	Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Mengikut Demografi	<b>120</b>
<b>Lampiran 29</b>	Amalan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan	<b>121</b>
<b>Lampiran 30</b>	Amalan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi	<b>122</b>
<b>Lampiran 31</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan)	<b>123</b>
<b>Lampiran 32</b>	Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>123</b>
<b>Lampiran 33</b>	Tahap Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi	<b>124</b>
<b>Lampiran 34</b>	Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>125</b>
<b>Lampiran 35</b>	Tahap Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi	<b>126</b>
<b>Lampiran 36</b>	Amalan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan	<b>127</b>
<b>Lampiran 37</b>	Amalan Ibu Bapa dan Penjaga Mengikut Demografi	<b>128</b>
<b>Lampiran 38</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Ibu Bapa atau Penjaga)	<b>128</b>
<b>Lampiran 39</b>	Pengetahuan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>129</b>
<b>Lampiran 40</b>	Tahap Pengetahuan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi	<b>131</b>
<b>Lampiran 41</b>	Sikap Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>132</b>
<b>Lampiran 42</b>	Sikap Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi	<b>133</b>
<b>Lampiran 43</b>	Amalan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan	<b>133</b>
<b>Lampiran 44</b>	Amalan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi	<b>134</b>
<b>Lampiran 45</b>	Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5))	<b>135</b>
<b>Lampiran 46</b>	Sumber Maklumat Keselamatan Makanan (Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5))	<b>137</b>



## I.0 PENGENALAN

Keselamatan makanan merujuk kepada makanan yang tidak menyebabkan penyakit atau kemudaratan kepada pengguna apabila disediakan, disajikan, dan dimakan (WHO 2009). Aspek utama yang perlu dititikberatkan dalam memastikan keselamatan makanan adalah penjagaan kebersihan diri pengendali dan premis perkhidmatan makanan seperti di kantin dan dapur asrama sekolah. Amalan kebersihan diri yang baik dapat menghalang seseorang daripada mendapat jangkitan penyakit seperti Hepatitis A, *Staphylococcus aureus* atau *Toxoplasma* yang berada di dalam makanan (Lawley, 2008).

Makanan yang tidak selamat boleh menimbulkan ancaman kesihatan dan membahayakan manusia. Penyakit diarrhoeal adalah penyakit yang paling biasa dihidapi disebabkan oleh pengambilan makanan tercemar, menyebabkan 550 juta orang jatuh sakit dan 230,000 kematian setiap tahun. Sebanyak 220 juta kanak-kanak menghidap penyakit diarrhoeal setiap tahun dan 96,000 orang mati akibat penyakit tersebut (WHO 2015). Di Malaysia kejadian keracunan makanan yang dilaporkan juga melibatkan murid di sekolah. Menurut kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sehingga 16 April 2016 sebanyak 60 episod keracunan makanan berlaku di sekolah seluruh negara yang melibatkan 2,325 kes. Hasil sampel klinikal yang didapati dari salah satu episod yang berlaku di sebuah sekolah di negeri Perak, menunjukkan murid dijangkiti oleh bakteria *Salmonella enteritidis* yang terdapat pada roti jala yang dimakan (Kenyataan Akhbar KPK, 2016).

Pemeriksaan pengguna melalui aktiviti promosi keselamatan makanan adalah satu usaha yang mampan untuk meningkatkan kefahaman orang awam terhadap isu keselamatan makanan. Oleh itu, pengetahuan dan kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan dalam membuat pilihan makanan yang selamat bagi kehidupan seharian. Aktiviti pemeriksaan pengguna dijalankan melalui aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan. Menurut Losasso et al. (2012) perubahan tingkah laku yang positif boleh berlaku dalam kalangan kumpulan sasaran sekiranya pendekatan pendidikan berteraskan pemberian maklumat secara khusus disampaikan.

Antara program pendidikan kesihatan yang diperkenalkan oleh KKM di peringkat kebangsaan ialah Program Doktor Muda pada tahun 2006 dan Skuad *Germ Buster* pula pada tahun 2007. KPM telah menjadikan program pendidikan kesihatan tersebut sebagai aktiviti ko-kurikulum di sekolah rendah. Program Doktor Muda melibatkan murid Tahap Dua yang telah dilatih sebagai “pembimbing rakan sebaya”, bagi menggalakkan peningkatan pengetahuan, perubahan sikap dan amalan berkaitan kesihatan dalam kalangan murid.

Skuad *Germ Buster* pula diperkenalkan untuk memberi penekanan khusus kepada keselamatan makanan dalam kalangan murid sekolah melalui pendekatan infotainment. Skuad *Germ Buster* merupakan unit bergerak yang dilengkapi dengan wifi, kemudahan peralatan mencuci tangan, bahan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk murid. Selain itu, penekanan konsep “Lihat, Hidu, Rasa” didedahkan kepada murid bagi mengenalpasti makanan yang selamat untuk dimakan. Bagi memastikan pembelajaran berterusan di bawah Skuad *Germ Buster*, portal Kelab Laman Interaktif Keselamatan Makanan yang merupakan sebuah portal interaktif yang padat dengan informasi berkaitan keselamatan makanan atau dikenali sebagai MoH KLiK telah dilancarkan pada 23 April 2012. Maklumat yang terdapat dalam MoH KLiK merangkumi 5 topik iaitu keselamatan makanan, pengendali makanan, kebersihan diri, bakteria atau kuman dan deria. Setiap topik dipersembahkan melalui watak-watak animasi iaitu Bell, Khoo, Ashok, Ary dan Wawa.

Kerjasama berterusan antara KKM dan KPM bagi menangani isu keracunan makanan di sekolah diperkukuhkan lagi melalui penganjuran Pertandingan Anugerah Kantin Sekolah Bersih, Selamat dan Sihat yang dilaksanakan mulai tahun 2010. Pertandingan ini bertujuan untuk menjadi pembakar semangat warga sekolah dan pengendali makanan untuk terus mengekalkan tahap kebersihan dan keselamatan makanan di kantin sekolah. Selain itu, ia juga bertujuan memberi pengiktirafan ke atas usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak sekolah dan pengusaha kantin dalam mengekalkan dan melakukan penambahbaikan dari segi amalan kebersihan serta keselamatan makanan.

Inisiatif yang dijalankan oleh KPM adalah melalui Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah yang menekankan aspek pengurusan kantin sekolah termasuklah kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan kepada murid sekolah. Selain itu, KPM juga telah memasukkan aspek kebersihan dan penjagaan diri yang diajar melalui silibus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) kepada murid sekolah. Melalui sesi pembelajaran tersebut, murid sekolah didedahkan dengan langkah mencuci tangan dengan betul dan label makanan yang boleh diaplikasikan oleh murid dalam keselamatan makanan.

KPM turut memperkukuhkan aspek kesihatan dalam kalangan murid dan warga sekolah melalui penganjuran Anugerah 3K (Kesihatan, Kebersihan, Keselamatan) yang telah diadakan sejak tahun 1991. Penganjuran Anugerah 3K adalah bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang cemerlang untuk murid dan warga sekolah yang menekankan aspek kesihatan, kebersihan dan keselamatan. Objektif Anugerah 3K adalah untuk melahirkan modal insan yang berkeperibadian unggul menerusi pemupukan pengetahuan, sikap dan amalan yang berkekalan dalam aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan. Selain itu, aspek kebersihan dan keselamatan makanan turut ditekankan dalam Anugerah 3K bertujuan untuk memupuk murid dan warga sekolah untuk mengamalkan kebersihan dan keselamatan makanan (Laporan Pasca Anugerah 3K dan Projek Khas 3C (Cabaran, Cergas, Ceria) KPM, 2016).

KPM turut menjalinkan kerjasama dengan KKM melalui penganjuran Anugerah Kantin Bersih, Selamat dan Sihat bertujuan untuk menggalakkan warga sekolah termasuklah murid dan pengusaha kantin mengekalkan tahap kebersihan kantin sekolah dan memastikan makanan yang disediakan adalah selamat selain menyediakan makanan yang sihat kepada murid sekolah. Anugerah tersebut turut memberi pengiktirafan kepada warga sekolah terutama pengusaha kantin dalam meningkatkan tahap kebersihan kantin sekolah masing-masing. Penganjuran anugerah tersebut bermula pada tahun 2014 telah berjaya mengurangkan kadar kejadian keracunan makanan di sekolah dan membantu KPM dan KKM merangka strategi untuk menangani kejadian keracunan makanan dengan lebih komprehensif.

Selain itu, usaha-usaha melalui pendidikan turut diberikan kepada pengendali makanan seperti seminar, tunjuk cara dan latihan. Menurut Akta Makanan 1983, semua pengendali makanan perlu menjalani Latihan Pengendali Makanan sebelum terlibat dalam perkhidmatan berasaskan makanan. Latihan ini dianjurkan oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf dan diselia oleh tenaga pengajar yang diiktiraf oleh KKM dengan mempunyai sijil khas dalam perkhidmatan makanan. Menerusi latihan ini, pengendali makanan akan didedahkan pengetahuan tentang kebersihan diri, kebersihan alatan memasak, cara penyediaan makanan dan penggunaan alat pembungkusan yang selamat terhadap makanan.

## **1.1 Permasalahan Kajian**

Tahap kebersihan yang rendah dalam penyediaan makanan boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan seperti keracunan makanan. (Derthrage, 1975). Keracunan makanan juga boleh menyebabkan kematian jika tidak dirawat dari awal (Department of Statistics Malaysia, 2013). Oleh itu, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat yang melibatkan pengurusan kantin sekolah. Panduan ini mengandungi maklumat bagi memastikan pengurusan kantin memenuhi standard yang ditetapkan meliputi dokumen perjanjian kantin sekolah, kawalan kebersihan, peralatan, penjagaan bangunan dan kemudahan bagi penjualan makanan yang sihat.

Berdasarkan laporan siasatan keracunan makanan oleh KKM, faktor risiko yang dikenal pasti menyumbang kepada kejadian keracunan makanan adalah pencemaran bahan mentah, pengabaian suhu semasa penyediaan makanan, pencemaran silang semasa pengendalian makanan, penyediaan makanan terlalu awal dan penyajian makanan yang melebihi empat jam daripada masa makanan tersebut dimasak.

Kejadian keracunan makanan di kantin sekolah boleh dielakkan sekiranya pihak pengusaha memantau dan menyelia proses penyediaan makanan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Pengusaha kantin juga perlu memastikan sumber bekalan bahan mentah dan makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat untuk dimakan.

Di bawah Peraturan Kebersihan Makanan 2009, pengusaha kantin perlu memastikan semua pengendali makanan menghadiri Latihan Pengendali Makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh KKM. Sekiranya pengusaha kantin didapati tidak akur dengan tatacara kebersihan dan keselamatan makanan, mereka boleh dikenakan kompaun.

Meskipun pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan bagi menangani kejadian keracunan makanan, kejadian tersebut masih berlaku di kantin sekolah. Sekiranya kejadian keracunan makanan dapat dikurangkan ia dapat mengelakkan gangguan pada sesi pembelajaran murid, dan meningkatkan keyakinan warga sekolah serta ibu bapa terhadap penyediaan makanan di kantin sekolah. Di samping itu kerajaan dapat menjimatkan kos rawatan dan perbelanjaan promosi keselamatan makanan.

## **1.2 Justifikasi Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui penyertaan pemerksaan pengguna (*consumer participation empowerment*) terhadap keselamatan makanan di sekolah rendah di Malaysia iaitu melibatkan penyertaan Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan, Ibu bapa atau Penjaga dan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5).

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan di luar negara dan dalam negara berkaitan keselamatan makanan dalam kalangan pengendali makanan. Namun begitu, kepelbagaian dan perbezaan faktor sosiodemografi, budaya serta faktor sampingan yang lain menyukarkan hasil kajian tersebut diadaptasi dalam masyarakat Malaysia. Di samping itu kajian yang melibatkan komuniti sekolah seperti Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, dan Guru Kelas Tahap Dua (2), ibu bapa atau penjaga masih kurang dijalankan.

## **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk memperolehi maklumat berkaitan pemerksaan penyertaan pengguna bagi aktiviti keselamatan makanan dalam kalangan komuniti sekolah rendah di seluruh Malaysia. Dapatan kajian ini penting bagi KKM dan KPM untuk menambahbaik Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dalam menangani kejadian keracunan makanan yang berlaku di sekolah. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan dapatan awal (*base line data*) memandangkan tiada kajian yang pernah dijalankan secara menyeluruh di peringkat komuniti sekolah di Malaysia. Selain itu, hasil kajian akan menjadi asas kepada program intervensi yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

### **1.4.1 Objektif Umum**

Untuk mengkaji tahap pengetahuan, sikap dan amalan berkaitan keselamatan makanan dalam pelaksanaan pemerksaan penyertaan pengguna (*consumer participation empowerment*) di sekolah rendah di Malaysia.

### **1.4.2 Objektif Khusus**

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap, dan amalan berkaitan keselamatan makanan dalam kalangan komuniti sekolah rendah.
2. Mengenal pasti hubungkait faktor-faktor demografi dengan tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan komuniti sekolah rendah.

## **I.5 DEFINISI KONSEP**

### **I.5.1 Makanan**

Makanan didefinisikan sebagai setiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk pada atau digunakan dalam campuran, penyediaan, pengawetan apa-apa makanan atau minuman dan meliputi gula-gula, benda-benda kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, gula-gula atau benda-benda kunyahan itu (Akta Makanan 1983).

### **I.5.2 Pencemaran Makanan**

Pencemaran makanan merujuk kepada kehadiran bahan kimia berbahaya atau mikroorganisma dalam makanan, yang boleh menyebabkan beberapa penyakit yang melemahkan jika digunakan (WHO 2015).

### **I.5.3 Keracunan Makanan**

Keracunan makanan adalah penyakit yang berlaku akibat memakan makanan yang tercemar. Makanan dikatakan tercemar jika mengandungi sesuatu benda atau bahan yang tidak seharusnya berada di dalamnya (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, 2014).

### **I.5.4 Pengendali Makanan**

Pengendali makanan termasuklah mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan makanan, menyentuh makanan atau permukaan yang menyentuh makanan dan mengendalikan makanan yang berbungkus atau tidak dibungkus, atau perkakas dalam mana-mana premis makanan (Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan, 2009).

### **I.5.5 Pemerksaan Pengguna**

Pemerksaan pengguna didefinisikan sebagai memberi pengetahuan kepada pengguna melalui maklumat dan pemahaman yang lebih baik dan tepat bagi mempengaruhi keputusan, amalan dan sikap pengguna (Hunter dan Garnefeld, 2008). Pemerksaan pengguna dalam konteks kajian ini merujuk kepada pengetahuan, sikap dan amalan bagi komuniti sekolah rendah.

### **I.5.6 Komuniti Sekolah Rendah**

Komuniti sekolah rendah merujuk kepada pengguna yang terdiri daripada:

- Pentadbir Sekolah (Guru Besar/ Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK I) / Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) / Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Koku) / Guru Kanan atau Ketua Bidang)
- Guru Pendidik Kesihatan (Guru Kesihatan/ Guru Kantin/ Guru Pendidikan Jasmani/ Pembantu Penyelia Murid/ Guru Penasihat Kelab Doktor Muda)
- Guru Kelas Tahap Dua (Tahun Empat (4), Lima (5) dan Enam (6))
- Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan
- Ibu bapa atau Penjaga
- Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)

## **2.0 METODOLOGI**

### **2.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk keratan rentas yang mewakili enam populasi sasaran yang telah dikenal pasti di sekolah rendah kerajaan di seluruh Malaysia.

### **2.2 Tempoh Kajian**

Kajian ini bermula pada bulan Januari 2016 sehingga Disember 2017. Proses pengumpulan data berlangsung selama selama 4 bulan (Jun-September 2016).

## 2.3 Lokasi Kajian

Melibatkan sebanyak 214 buah sekolah rendah di bawah kelolaan KPM dari seluruh negara.

## 2.4 Populasi Sasaran

- Pentadbir Sekolah
- Guru Pendidik Kesihatan
- Guru Kelas Tahap Dua (2) (Tahun 4, 5 dan 6)
- Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan
- Ibu bapa atau Penjaga
- Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)

## 2.5 Sampel Kajian

### 2.5.1 Kaedah Pensampelan

Pensampelan *multi stage cluster sampling* telah digunakan dalam kajian ini. Unit pensampelan primer (PSU) adalah untuk pensampelan sekolah dan unit pensampelan sekunder (SSU) terdiri daripada keenam-enam populasi sasaran iaitu Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2) (Tahun 4, 5 dan 6), pengusaha kantin dan pengendali makanan, ibu bapa atau penjaga dan murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) di sekolah terpilih.

Responden dalam kalangan Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), pengusaha kantin dan pengendali makanan dan ibu bapa atau penjaga, dipilih secara rawak daripada 214 buah sekolah.

Responden dalam kalangan murid sekolah Tahun Empat (4) dan Lima (5) adalah sebanyak 66 buah sekolah yang di pilih mengikut tiga zon, di Malaysia iaitu Semenanjung (22 sekolah), Sabah (22 sekolah) dan Sarawak (22 sekolah).

### Pecahan responden adalah seperti berikut:

- **Pentadbir Sekolah**  
Tiga orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan Pentadbir Sekolah yang terdiri daripada Pentadbir Sekolah (Guru Besar/ Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK 1) / Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) / Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Koku) / Guru Kanan atau Ketua Bidang) di sekolah yang terpilih.
- **Guru Pendidik Kesihatan**  
Tiga orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan Guru Pendidik Kesihatan (Guru Kesihatan/ Guru Kantin/ Guru Pendidikan Jasmani/ Pembantu Penyelia Murid/ Guru Penasihat Kelab Doktor Muda) di sekolah yang terpilih.
- **Guru Kelas Tahap Dua (2)**  
Tiga orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2) (Tahun 4, 5 dan 6) di sekolah yang terpilih.
- **Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan**  
Tiga orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan pengusaha kantin dan pengendali makanan di sekolah yang terpilih.
- **Ibu bapa atau penjaga**  
Tiga orang responden dipilih secara rawak dalam kalangan ibu bapa atau penjaga murid di sekolah terpilih.

- **Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

30 orang murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) dipilih sebagai responden di sekolah yang terpilih. Pemilihan murid dibuat secara rawak berdasarkan senarai murid Tahun 4 dan Tahun 5 yang diperolehi sebelum soal selidik dijalankan.

### 2.5.2 Pengiraan Saiz Sampel

Pengiraan saiz sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan formula perkadaran tunggal.

$$n_{srs} = \frac{z^2 \frac{a}{2} P(1-P)}{e^2}$$

Saiz sampel bagi kesemua populasi sasaran dikira berdasarkan prevalens responden yang mempunyai amalan baik berkenaan dengan keselamatan makanan = 50% dengan *margin of error* 5% dan paras keyakinan 95%. Saiz ini kemudiannya diubahsuai kepada jumlah populasi sasaran (N) (berdasarkan jumlah setiap populasi sasaran dalam tahun 2016), *design effect* 1.5 dan jangkakan kadar tidak memberi respon sebanyak 10%.

Jumlah Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), pengusaha kantin dan pengendali makanan serta ibu bapa atau penjaga adalah seramai 642 orang masing-masing yang melibatkan sebanyak 214 buah sekolah. Bagi populasi murid, jumlah keseluruhan murid di ketiga-tiga zon adalah seramai 1,980 orang yang melibatkan sebanyak 66 buah sekolah. Jadual 2.1 menunjukkan bilangan sekolah kajian mengikut negeri.

**Jadual 2.1 Bilangan Sekolah Kajian Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Sekolah Bagi Responden: Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan dan Ibu bapa atau Penjaga</b>	<b>Bilangan Sekolah Bagi Responden Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)</b>
Johor	31	4
Kedah	17	2
Kelantan	12	1
Melaka	5	0
Negeri Sembilan	10	3
Pahang	20	1
Perak	16	1
Pulau Pinang	13	3
Perlis	2	1
Selangor	26	4
Terengganu	11	1
Sabah/Labuan	22	22
Sarawak	22	22
WP Kuala Lumpur	7	1
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>66</b>

## 2.6 Kriteria Penerimaan

1. Sekolah rendah di bawah kelolaan KPM.
2. Responden yang boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
3. Responden warganegara Malaysia.

## 2.7 Kriteria Penolakan

1. Sekolah pendidikan khas, sekolah rendah swasta dan sekolah rendah di bawah kerajaan negeri, sekolah rendah di kawasan pedalaman (Zon 3) dan sekolah kurang murid (SKM).
2. Responden yang tidak boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
3. Responden bukan warganegara Malaysia.

## 2.8 Etika Kajian

Kajian ini telah mendapat kelulusan bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (KPMSP.600-3/2/3-Jld.12(7)). Kajian ini turut didaftarkan dengan Pendaftaran Penyelidikan Perubatan Kebangsaan (NMRR), KKM (NMRR-16-594-29-748). Kebenaran secara bertulis juga diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan kebenaran secara lisan diperoleh daripada Guru Besar untuk pengumpulan data di sekolah terlibat.

Maklumat kajian telah diedarkan sebelum proses pengumpulan data dan bagi Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan dan Ibu bapa atau penjaga, borang persetujuan hendaklah diisi dan dikembalikan kepada pengumpul data. Sementara itu, borang persetujuan penyertaan murid dalam kajian diisi oleh Pentadbir Sekolah sebagai wakil ibu bapa atau penjaga yang terlibat.

## 2.9 Pengumpulan Data

Latihan tatacara pengumpulan data telah dijalankan di tiga lokasi iaitu zon Semenanjung Malaysia (30 Mei – 1 Jun 2016), zon Sarawak (18-19 Julai 2016) dan zon Sabah (20-21 Julai 2016). Proses pengumpulan data dilaksanakan bermula bulan Jun hingga September 2016. Hanya 213 buah sekolah sahaja yang telah menyertai kajian ini daripada 214 buah yang telah ditetapkan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah seperti di Jadual 2.2.

**Jadual 2.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Bil.	Responden	Kaedah Pengumpulan Data	jenis Borang
1	Murid Tahun 4 dan 5	Borang soal selidik diisi sendiri berpandu ( <i>guided self-administered</i> )	Borang OMR ( <i>Optical Mark Reader</i> )
2	Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan		Borang soal selidik diisi sendiri ( <i>self-administered</i> )
3	Pentadbir Sekolah		
4	Guru Kelas Tahap Dua (2)		
5	Guru Pendidik Kesihatan		
6	Ibu Bapa atau Penjaga		



## 2.10 Instrumen Kajian dan Pra Uji

Borang soal selidik ini diadaptasi daripada *Proceedings Inception Workshop Consumer Engagement on Food Safety Network Consumer Participation and Empowerment (CPE) Programme* dan Soal Selidik Kajian Faktor Yang Mempengaruhi Pencemaran Makanan di Kantin Sekolah di bawah KPM di Kelantan (Zawaha et al. 2007). Perincian soal selidik ditunjukkan pada Jadual 2.3 di bawah.

<b>Jadual 2.3 Perincian Soal Selidik</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Soal Selidik</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Bil. Soalan</b>
1.	Profil Sekolah (Rujuk lampiran A)	A: Maklumat Sekolah B: Maklumat Guru Besar C: Infrastruktur dan Fasiliti Sekolah D: Pelaksanaan Keselamatan Makanan E: Peraturan Keselamatan Makanan F: Pendidikan Keselamatan Makanan	4 4 27 5 5 9
2.	Pentadbir Sekolah (Rujuk lampiran B)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan	6 55
3.	Guru Pendidik Kesihatan (Rujuk lampiran C)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan C: Pelaksanaan Keselamatan Makanan	6 55 9
4.	Guru Kelas Tahap Dua (2) (Rujuk lampiran D)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan C: Pelaksanaan Keselamatan Makanan	6 55 4
5.	Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan (Rujuk lampiran E)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan C: Pelaksanaan Keselamatan Makanan	8 62 4
6.	Ibu bapa atau penjaga (Rujuk lampiran F)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan C: Pelaksanaan Keselamatan Makanan	5 55 6
7.	Murid Sekolah (Tahun 4 dan 5) (Rujuk lampiran G)	A: Profil Diri B: Kesedaran Keselamatan Makanan C: Maklumat Corak Keselamatan Makanan D: Sumber Maklumat Keselamatan Makanan	6 53 10 10

## 2.11 Kesahihan

Pra-uji instrumen kajian telah dilaksanakan ke atas semua populasi kajian. Sebanyak 30 sekolah di Putrajaya telah dipilih; satu responden bagi kumpulan Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan, dan Ibu bapa atau penjaga manakala seramai 10 orang murid dari setiap sekolah telah di pilih. Pra-uji kedua telah dilaksanakan setelah penambahbaikan dalam instrumen kajian berdasarkan analisis yang telah dilakukan. Pra-uji kedua ini melibatkan 28 orang murid di dua sekolah di Kuala Lumpur. Hasil analisis kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan adalah 0.68 mengikut Sakaran (1992) nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima.

## 2.12 Pengurusan Data

Borang soal selidik telah diisi dan disemak di peringkat lapangan dan dihantar ke Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK) untuk proses kemasukan data. Bagi soal selidik responden murid yang menggunakan borang OMR diimbas menggunakan perisian *Form Reader* dan dieksport ke perisian SPSS (versi 21.0). Sementara itu, soal selidik bagi responden kumpulan yang lain, kemasukan data menggunakan perisian SPSS (versi 21.0). Proses pembersihan data (*data cleaning*) dilaksanakan sebelum analisis dijalankan.



## 2.13 Analisis Data

Analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS (versi 21.0). Statistik perihalan (*descriptive statistics*) digunakan untuk mengukur prevalens bagi pemboleh ubah yang berkaitan dalam kajian ini, manakala statistik inferensi digunakan untuk melihat hubungkait antara tahap pengetahuan, sikap dan amalan dengan sosio demografi. Analisis data dilaksanakan pada paras keyakinan 95% (*confidence interval*) dan 5% paras signifikan (*significance level*). Prosedur analisis sampel kompleks (*complex sampling*) digunakan dalam analisis kajian ini bagi populasi sasaran melibatkan Pentadbir Sekolah, Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) dan Guru Kelas Tahap Dua (2).

## 2.14 Pembahagian Skor

Pecahan skor bagi kajian ini dibahagikan kepada 3 komponen iaitu:

- i. Komponen soalan 1 (Pentadbir Sekolah, Guru Pendidikan Kesihatan, Guru Kelas Tahap 2 & Ibu, Baba atau Penjaga)

Komponen soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian dan pecahan skor bagi setiap bahagian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Komponen Soalan 1	Skor	Tahap
Pengetahuan 20 soalan	0 hingga 7	Rendah
	8 hingga 15	Sederhana
	16 hingga 20	Tinggi
Sikap 17 soalan	0 hingga 67	Negatif
	68 hingga 85	Positif
Amalan 18 soalan	0 hingga 12	Rendah
	13 hingga 24	Sederhana
	25 hingga 36	Tinggi

- ii. Komponen soalan 2 (Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan)  
Komponen soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian dan pecahan skor bagi setiap bahagian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Komponen Soalan 2	Skor	Tahap
Pengetahuan 20 soalan	0 hingga 7	Rendah
	8 hingga 15	Sederhana
	16 hingga 20	Tinggi
Sikap 22 soalan	0 hingga 44	Positif
	45 hingga 110	Negatif
Amalan 20 soalan	0 hingga 12	Rendah
	13 hingga 24	Sederhana
	25 hingga 36	Tinggi

## iii. Komponen soalan 3 (Murid)

Komponen soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian dan pecahan skor bagi setiap bahagian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Komponen Soalan 3	Skor	Tahap
Pengetahuan 18 soalan	0 hingga 6	Rendah
	7 hingga 12	Sederhana
	13 hingga 18	Tinggi
Sikap 17 soalan	0 hingga 34	Positif
	35 hingga 85	Negatif
Amalan 18 soalan	0 hingga 12	Rendah
	13 hingga 24	Sederhana
	25 hingga 40	Tinggi

### 3.0 HASIL KAJIAN

#### 3.1 Profil Sekolah

##### 3.1.1 Maklumat Sekolah

Sebanyak 213 buah sekolah melibatkan Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), pengusaha kantin dan pengendali makanan, ibu bapa atau penjaga dan sebanyak 66 buah sekolah yang melibatkan Murid Tahun 4 dan 5 telah mengambil bahagian dalam Kajian Pemerksaan Pengguna Keselamatan Makanan di Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan di bawah *Asean Expert Group Food Safety (AEGFS)*. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sekolah kajian yang terlibat mengikut negeri.

<b>Jadual 3.1 Bilangan Sekolah Kajian Yang Terlibat Mengikut Negeri</b>		
<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH</b> (Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan, Ibu bapa atau penjaga)	<b>BILANGAN SEKOLAH</b> (Murid Tahun 4 dan 5)
Johor	31	4
Kedah	17	2
Kelantan	12	0
Melaka	5	3
Negeri Sembilan	10	1

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN SEKOLAH</b> (Pentadbir Sekolah, Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kelas Tahap Dua (2), Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan, Ibu bapa atau penjaga)	<b>BILANGAN SEKOLAH</b> (Murid Tahun 4 dan 5)
Pahang	20	1
Perak	16	3
Pulau Pinang	13	1
Perlis	2	4
Selangor	25	1
Terengganu	11	22
Sabah/Labuan	22	22
Sarawak	22	1
Wp Kuala Lumpur	7	
<b>JUMLAH</b>	<b>213</b>	<b>66</b>

### 3.1.2 Maklumat Guru Besar

Kajian ini melibatkan sebanyak 63.8% Guru Besar lelaki dan 36.2% perempuan. Kajian mendapati 40.8% Guru Besar berkhidmat kurang daripada setahun di sekolah terlibat. Di samping itu, lebih daripada separuh (53.5%) Guru Besar mempunyai tahap pendidikan di peringkat ijazah.

### 3.1.3 Infrastruktur dan Fasiliti Sekolah

Hampir kesemua (99.5%) sekolah telah mendapat sumber bekalan elektrik daripada syarikat pembekalan elektrik seperti pihak Tenaga Nasional Berhad, Sabah Elektrik Sdn Bhd (SESB) dan Sarawak Energy Berhad (SESCO). Majoriti sekolah (93.9 %) menerima sumber bekalan air minuman daripada Jabatan Bekalan Air. Kajian ini mendapati bahawa sebanyak 84.0% sekolah mempunyai tahap kebersihan persekitaran sekolah yang baik.

Kesemua sekolah di Malaysia mempunyai kemudahan tandas murid, namun begitu ketika kajian dijalankan hanya 5.6% sekolah mengalami kerosakan besar pada tandas. Dapatan kajian mendapati tandas murid di sekolah adalah pada tahap bersih (65.3%), mendapat bekalan air bersih yang mencukupi (96.2%) dan 62.4% sekolah menyediakan sabun membasuh tangan di setiap tandas.

Kesemua sekolah mempunyai kemudahan sinki membasuh tangan di tandas (94.4%), di kantin (87.8%), di dewan makan (20.7%), di bilik darjah (0.9%) dan di lain-lain lokasi (15.5%). Lebih daripada separuh (57.3%) sekolah menyediakan sabun membasuh tangan di setiap sinki.

Sebanyak 65.3% sekolah tidak menyediakan kemudahan sanitasi seperti bekalan air panas atau larutan alkohol atau cecair pembasmi kuman. Namun begitu, pihak sekolah menyediakan kemudahan sanitasi di beberapa tempat di kawasan sekolah seperti di bilik guru (12.7%), kantin (12.7%), bilik rawatan (10.3%) dan bilik darjah (0.9%).

Terdapat 95.3% sekolah mempunyai kantin, selebihnya (4.7%) tidak mempunyai kantin. Hasil kajian mendapati hanya 7.5% buah sekolah mempunyai dapur asrama manakala selebihnya (92.5%) tidak mempunyai dapur asrama. Di sekolah yang mempunyai dapur asrama, majoritinya berada pada tahap yang baik (62.5%) dan di tahap memuaskan (37.5%).

Dapatan kajian menunjukkan majoriti sekolah (97.2%) adalah berpagar dan daripada jumlah ini 34.7% sekolah dilaporkan mempunyai aktiviti jualan makanan di luar pagar sekolah.

Kesemua sekolah didapati menyediakan kemudahan tong sampah iaitu di kantin (43.6%), di bilik darjah (36.6%), di tandas (9.9%), dan di dewan makan (3.3%). Sebanyak 46.9% sekolah mempunyai kemudahan pelupusan sampah dan diuruskan dengan baik.

Majoriti sekolah (97.7%) menyediakan kemudahan internet dan daripada jumlah ini, 82.6% murid mempunyai capaian kepada kemudahan tersebut. Sebanyak 80.3% sekolah didapati menyediakan risalah mengenai keselamatan makanan yang disediakan di peringkat sekolah (Lampiran 1).

### 3.1.4 Pelaksanaan Keselamatan Makanan di Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 93.4% sekolah menubuhkan unit kesihatan sekolah. Daripada jumlah ini, 88.7% unit kesihatan sekolah adalah aktif dan sebanyak 82.2% aktiviti keselamatan dan kualiti makanan dijalankan di bawah unit kesihatan. Sebanyak 63.4% sekolah menjalankan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan di sekolah melalui Skwad *Germ Buster*, Kelab Doktor Muda dan lain-lain (Lampiran 2).

### 3.1.5 Peraturan Keselamatan Makanan di Sekolah

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 96.7% sekolah menetapkan peraturan keselamatan makanan di sekolah. Antara aspek yang sering dikawal selia di bawah keselamatan makanan adalah pemeriksaan kantin iaitu Program Pemeriksaan Sendiri Kantin dan Dapur Asrama Sekolah (KENDIRI) (97.7%), suntikan vaksin pengendali makanan (87.3%), dan latihan pengendali makanan (71.8%).

Pihak sekolah juga turut mengambil tindakan jika berlaku ketidakpatuhan pada peraturan yang dikeluarkan di sekolah mengenai keselamatan makanan seperti larangan untuk tidak lagi menjual makanan (68.5%), penutupan kantin atau dapur asrama (29.1%) dan lain-lain tindakan seperti memberi amaran, teguran atau nasihat, dan melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terhadap pengusaha kantin (30.5%).

Sebanyak 98.1% sekolah mempunyai garis panduan bagi pengusaha kantin berkenaan keselamatan makanan. Garis panduan tersebut telah diberikan oleh guru kesihatan (54.9%) (Lampiran 3).

### 3.1.6 Pendidikan Keselamatan Makanan di Sekolah

Sebanyak 95.8% sekolah pernah memberikan taklimat mengenai keselamatan makanan kepada murid. Daripada jumlah tersebut, taklimat disampaikan oleh Guru Unit Kesihatan (70.4%), Guru Kelas (29.6%), Guru Sukan (17.4%) dan 51.6% oleh Pentadbir Sekolah dan wakil Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Kajian mendapati 74.6% sekolah memberikan taklimat secara berkala. Sebanyak 70.0% sekolah pernah menerima taklimat keselamatan makanan daripada pihak luar seperti Pejabat Kesihatan Daerah (49.3%), KKM (25.4%) dan KPM (9.4%).

Sebanyak 97.2% sekolah telah menjalankan program pemeriksaan KENDIRI. Di samping itu, 89.2% responden menyatakan sekolah mereka telah sedia maklum tentang sistem penggredan kantin sekolah. Daripada 213 buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini, didapati 22.5% sekolah pernah menyertai pertandingan kantin bersih, selamat dan sihat yang dianjurkan oleh KKM serta 11.7% daripadanya pernah memenangi pertandingan tersebut (Lampiran 4).

## 3.2 PENTADBIR SEKOLAH

### 3.2.1 Demografi Pentadbir Sekolah

Kajian ini melibatkan seramai 636 orang Pentadbir Sekolah iaitu 45.4% lelaki dan 54.6% wanita. Pentadbir Sekolah terdiri daripada GPK HEM sebanyak 26.3%, diikuti oleh GPK I 23.9% dan GPK Koku pula 22.7%. Min umur responden ialah 47.7 dan hampir separuh daripada responden iaitu

45.8% berumur 50 tahun ke atas. Seterusnya kajian mendapati 53.5% Pentadbir Sekolah merupakan pemegang ijazah dan 27.2% pula adalah pemegang Diploma/STPM. Bagi tempoh berkhidmat Pentadbir Sekolah, hasil kajian menunjukkan 36.5% Pentadbir Sekolah telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun di sekolah tersebut. Jadual 3.2 menunjukkan demografi Pentadbir Sekolah tersebut.

<b>Jadual 3.2 Demografi Pentadbir Sekolah</b>		
<b>Ciri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>n(%)</b>
Pentadbir Sekolah	Guru Besar PK I PK HEM PK Ko-Ku Guru Kanan@ Ketua Bidang	82(12.9) 153(23.9) 167(26.3) 143(22.7) 91(14.2)
Jantina	Lelaki Perempuan	286 (45.4) 350(54.6)
Umur	Min umur <30 tahun 31-39 40-49 >50 tahun	47.7 9(1.3) 93(14.8) 243(38.1) 291(45.8)
Bangsa	Melayu Cina India Orang Asli Bumiputra Sabah Bumiputra Sarawak Lain-lain	433(69.0) 94(14.0) 43 (7.1) 1(0.2) 46(7.7) 15(1.4) 4(0.6)
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/SPM Diploma/ STPM Ijazah Sarjana PhD Lain-lain	65(9.7) 169(27.2) 339(53.5) 44(6.7) 16(2.5) 3(0.4)
Tempoh berkhidmat di sekolah semasa	< 1 tahun 2 hingga 5 tahun 6 hingga 10 tahun 11 hingga 15 tahun 16 hingga 20 tahun >21 tahun	143(22.8) 230(36.5) 106(16.3) 54(8.4) 58(9.2) 45(6.8)

### 3.2.2 Pengetahuan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian keseluruhan menunjukkan majoriti Pentadbir Sekolah iaitu 93.8% (95% CI: 91.5, 95.4) mempunyai tahap pengetahuan keselamatan makanan yang tinggi, dengan min skor pengetahuan ialah 17.7. Jadual 3.3 menunjukkan tahap pengetahuan keseluruhan Pentadbir Sekolah terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.3 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Pengetahuan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Tinggi	598	19652	93.8	91.5	95.4
Sederhana	38	1307	6.2	4.6	8.5
Rendah	0	0	0.0	0.0	0.0

Hasil kajian seterusnya menunjukkan Pentadbir Sekolah mencatat peratusan pengetahuan yang tinggi berkaitan kepentingan tarikh luput pada pembungkus makanan dan minuman [99.6% (95% CI: 98.7, 99.9)]. Sementara itu, 98.2% (95% CI: 96.7, 99.0) pula mempunyai pengetahuan berkaitan tuala yang digunakan untuk mengelap tangan tidak boleh digunakan untuk mengelap pinggan mangkuk.

Seterusnya, pengetahuan Pentadbir Sekolah berkaitan suhu persekitaran kantin yang panas boleh meningkatkan kadar pembiakan kuman mencatatkan peratusan yang rendah [81.2% (95% CI: 77.9, 84.1)] berbanding aspek pengetahuan yang lain. Ini diikuti dengan pengetahuan berkaitan pemanis tiruan (siklamat) sebenarnya menyebabkan masalah kesihatan jika dimakan [82.7% (95% CI: 79.5%, 85.5%)] (Lampiran 5).

### 3.2.3 Pengetahuan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Secara keseluruhannya, dalam kalangan Pentadbir Sekolah, GPK HEM memiliki tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan kesedaran keselamatan makanan [26.8% (95% CI: 23.3, 30.6)]. Tahap pengetahuan Pentadbir Sekolah wanita pula didapati lebih tinggi [54.3% (95% CI: 50.2, 58.3)] berbanding Pentadbir Sekolah lelaki [45.7% (95% CI: 41.7, 49.8)]. Dapatan kajian juga menunjukkan Pentadbir Sekolah yang berumur 50 tahun dan ke atas didapati mencatat peratusan pengetahuan yang tinggi iaitu 45.5% (95% CI: 41.4, 49.5). Sementara itu, Pentadbir Sekolah yang berkelulusan ijazah [54.1% (95% CI: 50.0, 58.1)] dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun [36.1% (95% CI: 32.3, 40.1)] menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan keselamatan makanan (Lampiran 6).

### 3.2.4 Sikap Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian secara keseluruhannya mendapati 66.9% (95% CI: 63.5, 70.1) Pentadbir Sekolah mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.4 menunjukkan tahap sikap keseluruhan Pentadbir Sekolah terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.4 Tahap Sikap Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Sikap	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Positif	426	14019	66.9	63.5	70.1
Negatif	210	6941	33.1	29.9	36.5

Majoriti Pentadbir Sekolah [97.8% (95% CI: 96.4, 98.7)] bersikap positif bahawa tangan yang dicuci dengan sabun sebelum makan dapat mencegah berlakunya keracunan makanan seperti sakit perut, cirit-birit dan muntah-muntah. Ini diikuti dengan penggunaan racun serangga pada sayur-sayuran dan buah-buahan membahayakan kesihatan [96.3% (94.4% CI: 94.4, 97.5)]. Walau bagaimanapun, hanya 42.4% (95% CI: 38.6, 46.4.4) Pentadbir Sekolah menyatakan boleh membeli makanan dari gerai tepi jalan dan sabun pencuci 35.7% (95% CI: 32.5, 39.1) boleh digunakan untuk cuci peralatan memasak (Lampiran 7).

### 3.2.5 Sikap Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian menunjukkan Pentadbir Sekolah wanita lebih bersikap positif terhadap keselamatan makanan [54.1% (95% CI: 47.2, 60.8)] berbanding lelaki 45.9% (CI: 39.2, 52.8). Sebanyak 46.6% (95% CI: 39.8, 53.4) Pentadbir Sekolah adalah berumur 50 tahun ke atas, berpendidikan peringkat ijazah [49.2% (95% CI: 42.4, 56.1)] dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun [33.1% (95% CI: 27.0, 39.8)] di sekolah tersebut. Dalam kalangan Pentadbir Sekolah, GPK Koku mencatatkan sikap positif yang paling tinggi [27.3% (95% CI: 21.7, 33.9)] (Lampiran 8).

### 3.2.6 Amalan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan

Majoriti Pentadbir Sekolah memiliki tahap amalan keselamatan makanan yang tinggi [88.9% (95% CI: 86.2, 91.1)]. Jadual 3.5 menunjukkan tahap amalan keseluruhan Pentadbir Sekolah terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.5 Tahap Amalan Keseluruhan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Amalan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Baik	565	18635	88.9	86.2	91.1
Sederhana	71	2325	11.1	8.9	13.8
Rendah	0	0	0.0	0.0	0.0

Sebanyak 98.1% (95% CI: 96.7, 98.9) Pentadbir Sekolah tidak mengamalkan tabiat makan roti yang sudah berkulat, mengamalkan mencuci tangan selepas membuang sampah [93.2% (95% CI: 90.9, 94.9)] dan mencuci tangan selepas keluar dari tandas [91.1% (95% CI: 88.6, 93.1)]. Sementara itu, didapati sebanyak 51.0% (95% CI: 47.2, 54.8) Pentadbir Sekolah kurang mengamalkan menghidu makanan sebelum makan serta 41.6% (95% CI: 37.8, 45.5) masih membeli makanan yang dibungkus dengan surat khabar (Lampiran 9).

### 3.2.7 Amalan Pentadbir Sekolah Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian mendapati bahawa dalam kalangan Pentadbir Sekolah, PK HEM mencatat Bilangan amalan baik paling tinggi berkaitan kesedaran keselamatan makanan iaitu 25.8% (95% CI: 22.3, 29.6)]. Pentadbir Sekolah wanita [56.9% (95% CI: 52.7, 61.0)] mempunyai tahap amalan baik lebih tinggi berbanding lelaki [43.1% (95% CI: 39.0, 47.3)]. Di samping itu, tahap amalan baik ini turut dicatatkan oleh Pentadbir Sekolah berumur 50 tahun ke atas [45.6% (95% CI: 41.5, 49.8)], berpendidikan peringkat ijazah 53.8% (95% CI: 49.6, 58.0) dan telah berkhidmat di sekolah tersebut antara 2 hingga 5 tahun iaitu 35.6% (95% CI: 31.7, 39.7)] (Lampiran 10).

## 3.3 GURU PENDIDIK KESIHATAN

### 3.3.1 Demografi Guru Pendidik Kesihatan

Kajian ini melibatkan 600 guru Guru Pendidik Kesihatan yang terdiri daripada Guru Kesihatan, Guru Pendidikan Jasmani, Guru Kantin, Guru Penasihat Kelab Doktor Muda, Pembantu Penyelia Murid. Sebanyak 71.3% merupakan Guru Pendidik Kesihatan wanita manakala selebihnya lelaki. Min umur keseluruhan bagi responden dalam kajian ini adalah 38.4 tahun dan 42.3% responden berumur dalam lingkungan 31 hingga 39 tahun. Hasil kajian juga menunjukkan dalam kategori Guru Pendidik Kesihatan, 44.2% merupakan Guru Kesihatan dan hampir 70% Guru Pendidik Kesihatan adalah pemegang ijazah. Selain itu, sebanyak 35% telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun di Jadual 3.6 menunjukkan profil diri Guru Pendidik Kesihatan.

Jadual 3.6 Demografi Guru Pendidik Kesihatan		
Ciri	Kumpulan	n(%)
<b>Guru Pendidik Kesihatan</b>	Guru Kesihatan	265 (44.1)
	Guru Pendidikan Jasmani	141 (23.5)
	Guru Kantin	112 (18.7)
	Guru Penasihat Kelab Doktor Muda	34 (5.7)
	Pembantu Penyelia Murid	48 (8.0)
<b>Jantina</b>	Perempuan	428 (71.3)
	Lelaki	172 (28.7)
<b>Umur</b>	Min Umur	38.4
	<30 tahun	108 (18.0)
	31-39 tahun	254 (42.3)
	40-49 tahun	166 (27.7)
	>50 tahun	72 (12.0)



<b>Ciri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>n(%)</b>
<b>Bangsa</b>	Melayu	412 (68.7)
	Cina	80 (13.3)
	India	42 (7.0)
	Orang Asli	3 (0.5)
	Bumiputra Sabah	44 (7.3)
	Bumiputra Sarawak	15 (2.5)
	Lain-lain	4 (0.7)
<b>Tahap Pendidikan</b>	SRP/PMR/SPM	56 (9.4)
	Diploma/ STPM	102 (17.0)
	Ijazah	413 (68.8)
	Sarjana	29 (4.8)
	PhD	0 (0.0)
	Lain-lain	0 (0.0)
<b>Tempoh berkhidmat</b>	< 1 tahun	25 (4.2)
	2 hingga 5 tahun	210 (35.0)
	6 hingga 10 tahun	199 (33.2)
	11 hingga 15 tahun	100 (16.7)
	16 hingga 20 tahun	32 (5.3)
	>21 tahun	34 (5.7)

### 3.3.2 Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian menunjukkan, lebih daripada 70% Guru Pendidik Kesihatan mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.7 menunjukkan tahap pengetahuan keselamatan makanan dalam kalangan Guru Pendidik Kesihatan.

**Jadual 3.7 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan**

<b>Tahap Pengetahuan</b>	<b>n(%)</b>
Tinggi	454 (75.7)
Sederhana	69 (11.5)
Rendah	77 (12.8)

Analisa terperinci menunjukkan, lebih 93% Guru Pendidik Kesihatan tahu dan sedar bahawa tangan yang bersih mampu mencegah berlakunya keracunan makanan dan peralatan perlu dibasuh menggunakan sabun pencuci pinggan bagi mengelak pencemaran makanan. Di samping itu, 64% responden sahaja tahu penggunaan minyak masak berulang kali adalah tidak baik untuk kesihatan dan hanya 66.8% sahaja tahu suhu persekitaran kantin yang panas boleh meningkatkan kadar pembiakan kuman (Lampiran 11).

### 3.3.3 Pengetahuan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dalam kalangan Guru Pendidik Kesihatan, Guru Kesihatan didapati mencatat tahap pengetahuan paling tinggi berkaitan keselamatan makanan iaitu 41.9% berbanding guru lain yang berada dalam kumpulan Guru Pendidik Kesihatan. Pengetahuan guru wanita lebih tinggi (72.2%) berbanding lelaki (27.8%) dan Guru Pendidik Kesihatan yang berumur antara 31 hingga 39 mencatat peratusan pengetahuan yang tinggi (42.1%). Selain itu, sebanyak 68.7% Guru Pendidik Kesihatan mempunyai ijazah dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun (33.9%) di sekolah tersebut menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan keselamatan makanan (Lampiran 12).

### 3.3.4 Sikap Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian mendapati, secara keseluruhannya 66.3% Guru Pendidik Kesihatan mempunyai tahap sikap yang Positif terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.8 menunjukkan tahap sikap terhadap keselamatan makanan dalam kalangan Guru Pendidik Kesihatan.

**Jadual 3.8 Tahap Sikap Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Sikap	n(%)
Positif	398 (66.3)
Negatif	202 (33.7)

Majoriti Guru Pendidik Kesihatan (98.8%) menyatakan sikap mencuci tangan dengan sabun sebelum makan dapat mencegah berlakunya keracunan makanan dan penggunaan racun serangga pada sayur-sayuran dan buah-buahan membahayakan kesihatan (94.8%). Sebanyak 98.3% menyatakan makanan yang mengandungi bahan pengawet adalah tidak selamat manakala lebih dari separuh (53%) daripada mereka bersetuju makanan yang dihidang lebih 4 jam tidak selamat untuk dimakan serta 53.3% menyatakan boleh mengamalkan membeli makanan dari gerai tepi jalan (Lampiran 13).

### 3.3.5 Sikap Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Hasil kajian menunjukkan, guru kesihatan mencatat peratusan sikap positif paling tinggi iaitu 42.5% berbanding guru lain dari kategori Guru Pendidik Kesihatan. Guru wanita lebih bersikap positif (73.9%) berbanding guru lelaki (26.1%). Sebanyak 43.2% Guru Pendidik Kesihatan yang bersikap positif adalah berumur antara 31 hingga 39 tahun, berpendidikan peringkat ijazah (69.3%), dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun (34.4%) di sekolah tersebut (Lampiran 14).

### 3.3.6 Amalan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan

Secara keseluruhannya tahap amalan Guru Pendidik Kesihatan berkaitan keselamatan makanan adalah di tahap yang baik (77.0%). Jadual 3.9 menunjukkan tahap amalan keselamatan makanan dalam kalangan Guru Pendidik Kesihatan.

**Jadual 3.9 Tahap Amalan Keseluruhan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Amalan	n(%)
Baik	462 (77.0)
Sederhana	75 (12.5)
Rendah	63 (10.5)

Kajian menunjukkan bahawa majoriti Guru Pendidik Kesihatan (95.3%) mencuci tangan sebelum makan serta mencuci tangan selepas membuang sampah (83.2%). Sementara itu, hanya 31.5% dari mereka tidak makan makanan yang dibungkus dengan surat khabar dan 11.5% sahaja yang tidak amalkan makan makanan dari gerai di tepi jalan (Lampiran 15).

### 3.3.7 Amalan Guru Pendidik Kesihatan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Guru Kesihatan didapati mencatat peratusan tahap amalan baik paling tinggi berkaitan keselamatan makanan iaitu 42.2%. Tahap amalan baik dalam kalangan Guru Pendidikan Kesihatan wanita lebih tinggi (71.0%) berbanding lelaki (29.0). Guru Pendidik Kesihatan ini berumur di antara 31 tahun hingga 39 tahun (42.5%) dan 70.1% merupakan pemegang ijazah serta telah berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun (35.1%) di sekolah tersebut (Lampiran 16).

### 3.3.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Guru Pendidik Kesihatan)

Seramai 91.7% Guru Pendidikan Kesihatan menyatakan unit kesihatan sekolah mereka aktif dalam mempromosikan keselamatan makanan dan aktiviti yang paling banyak dilakukan ialah memberi pendidikan kepada murid (83.7%) dan pengusaha kantin (55.3%). Selain itu sebanyak 86.3% Unit Kesihatan Sekolah telah mendapatkan nasihat atau bantuan daripada institusi lain bagi menggerakkan aktiviti kesedaran dan mempromosi keselamatan makanan. Jabatan Kesihatan Negeri (43.2%) didapati paling banyak memberi nasihat atau bantuan bagi aktiviti kesedaran dan promosi keselamatan makanan. Di samping itu seramai 94.8% responden turut menyatakan Unit Kesihatan Sekolah diarahkan oleh Guru Besar untuk memantau tahap kebersihan dan keselamatan makanan di kantin. Responden juga menyatakan sekiranya terdapat pelanggaran kepada polisi yang telah dikuatkuasakan oleh pengurusan sekolah berkaitan keselamatan makanan, tindakan yang diambil adalah tidak membenarkan penjualan apa-apa makanan yang sedia ada dan perlu menyediakan makanan gantian (58.7%). Malahan sebanyak 8.2% Guru Kesihatan menyatakan pernah berlaku keracunan makanan dalam tempoh tiga tahun yang lepas. Dalam kalangan sekolah yang pernah berlaku kejadian keracunan makanan, 59.2% menyatakan keracunan itu berpunca daripada penjualan makanan di kantin sekolah, manakala 26.5% berpunca daripada makanan dijual di luar kawasan sekolah dan selebihnya adalah makanan yang dibawa oleh murid (Lampiran 17).

## 3.4 GURU KELAS TAHAP DUA (2)

### 3.4.1 Demografi Guru Kelas Tahap Dua (2)

Kajian ini melibatkan seramai 639 orang Guru Kelas Tahap Dua (2) yang terdiri daripada 79.0% guru wanita dan 21.0% guru lelaki. Min umur keseluruhan responden ialah 39.8. Sebanyak 36.9% merupakan responden dalam lingkungan umur 40 hingga 49 tahun. Guru Kelas Tahun Empat (4) merupakan kumpulan yang teramai iaitu 39.4%. Sementara itu, 75.6% Guru Kelas Tahap Dua (2) merupakan pemegang ijazah dan 34.5%, telah berkhidmat di sekolah tersebut di antara 2 hingga 5 tahun (Jadual 3.10).

<b>Jadual 3.10 Demografi Diri Guru Kelas Tahap Dua (2)</b>		
<b>Ciri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>
Guru Kelas	Tahun Empat (4)	254(39.4)
	Tahun Lima (5)	221(34.6)
	Tahun Enam (6)	164(26.0)
Jantina	Perempuan	504(79.0)
	Lelaki	135(21.0)
Umur	Min umur	39.8
	<30 tahun	86(12.7)
	31-39	231 (36.7)
	40-49	236 (36.9)
	>50 tahun	86(13.7)
Bangsa	Melayu	426 (69.0)
	Cina	95(14.0)
	India	51(8.5)
	Orang Asli	0 (0.0)
	Bumiputra Sabah	47 (6.3)
	Bumiputra Sarawak	15(1.5)
	Lain-lain	5(0.7)
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/SPM	22(3.2)
	Diploma/ STPM	99(15.4)
	Ijazah	481(75.6)
	Sarjana	33(5.2)
	PhD	0(0.0)
	Lain-lain	4(0.6)
Tempoh berkhidmat	< 1 tahun	39(6.1)
	2 hingga 5 tahun	222(34.5)
	6 hingga 10 tahun	172(26.9)
	11 hingga 15 tahun	102(16.2)
	16 hingga 20 tahun	55(8.6)
	>21 tahun	49(7.7)

### 3.4.2 Pengetahuan Keselamatan Makanan Guru Kelas Tahap Dua (2)

Majoriti Guru Kelas Tahap Dua (2) iaitu 82.1% (95% CI: 80.8, 83.4) mempunyai tahap pengetahuan keselamatan makanan yang tinggi dengan min skor pengetahuan ialah 15.8. Jadual 3.11 menunjukkan tahap pengetahuan keselamatan makanan dalam kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2).

**Jadual 3.11 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Keselamatan Makanan dalam Kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2)**

Tahap Pengetahuan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Tinggi	491	53257	82.1	80.8	83.4
Sederhana	148	11591	17.9	16.6	19.2
Rendah	0	0	0.0	0.0	0.0

Majoriti Guru Kelas Tahap Dua (2) 99.7% (95% CI: 98.9, 99.9) mengetahui bahawa surat khabar tidak selamat digunakan sebagai pembungkus makanan, 99.3% (95% CI: 98.2, 99.7) pula mengetahui tarikh luput pada pembungkus makanan adalah penting dan 90.5% (95% CI: 87.9, 92.6) mengetahui peralatan memasak mesti dibasuh dengan sabun pencuci pinggan mangkuk. Sebanyak 15.2% (95% CI: 15.2, 15.2) responden menyatakan asap kenderaan tidak mencemarkan makanan yang dijual di tepi jalan manakala 15.0% (95% CI: 14.6, 15.3) menyatakan ketulan ais dari air yang tidak dimasak adalah selamat untuk diminum (Lampiran 18).

### 3.4.3 Pengetahuan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Guru Kelas Tahun Empat (4) mencatat peratusan tahap pengetahuan baik paling tinggi iaitu 38.7% (95% CI: 34.5, 43.1) berkaitan keselamatan makanan. Tahap pengetahuan dalam kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2) wanita adalah lebih tinggi iaitu 79.8% (95% CI: 76.0, 83.2) berbanding lelaki 20.2% (95% CI: 16.8, 24.0). Sementara itu, Guru Kelas Tahap Dua (2) yang berumur antara 31 hingga 39 tahun mencatat pengetahuan pada tahap baik iaitu sebanyak 38.3% (95% CI: 34.1, 42.7), 77.0% (95% CI: 73.0, 80.5) berpendidikan peringkat ijazah, selain telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun 33.8% (95% CI: 29.7, 38.1) di sekolah tersebut (Lampiran 19).

### 3.4.4 Sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan

Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya sebanyak 76.4% (95% CI: 73.0, 79.6) Guru Kelas Tahap Dua (2) menunjukkan tahap sikap yang positif terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.12 menunjukkan tahap sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.12 Tahap Sikap Keseluruhan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Sikap	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Positif	487	49567.347	(76.4)	73.0	79.6
Negatif	152	15281.653	(23.6)	20.4	27.0

Majoriti Guru Kelas Tahap Dua (2) iaitu 98.7% (95% CI: 97.3, 99.3) bersikap positif terhadap membaca maklumat kandungan (label) pada pembungkus makanan adalah penting semasa membeli makanan dan 95.9% (95% CI: 94.0, 97.2) bersetuju mengasingkan makanan mentah daripada makanan yang telah dimasak dapat mengelakkan keracunan makanan. Sementara itu, 47.5% (95% CI: 43.6, 51.4) responden pula menyatakan membeli makanan dari gerai tepi jalan boleh diamalkan (Lampiran 20).

### 3.4.5 Sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian menunjukkan Guru Kelas Tahun Empat (4) paling banyak [39.3% (95% CI: 35.0, 43.7)] mencatat sikap positif terhadap keselamatan makanan. Sikap positif Guru Kelas Tahap Dua (2) wanita didapati lebih tinggi iaitu 82.0% (95% CI: 78.3, 85.2) berbanding guru lelaki, 18.0% (95% CI: 14.8, 21.7). Selain itu, terdapat perhubungan yang signifikan antara jantina dengan sikap Guru Kelas Tahap Dua (2) ( $p < 0.001$ ) terhadap keselamatan makanan. Dapatan kajian juga menunjukkan Guru Kelas Tahap Dua (2) yang berumur 40 hingga 49 tahun mencatat peratusan positif yang tinggi iaitu 37.4% (95% CI: 33.2, 41.9). Sementara itu Guru Kelas Tahap Dua (2) yang berpendidikan ijazah 74.3% (95% CI: 70.1, 78.0) dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun di sekolah tersebut 35.2% (95% CI: 31.0, 39.6) menunjukkan sikap positif yang tinggi berkaitan keselamatan makanan (Lampiran 21).

### 3.4.6 Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti Guru Kelas Tahap Dua (2) menunjukkan tahap amalan keselamatan makanan yang baik iaitu 88.3% (95% CI: 85.5, 90.6). Jadual 3.13 menunjukkan tahap amalan keselamatan makanan dalam kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2).

**Jadual 3.13 Tahap Amalan Keseluruhan Keselamatan Makanan Dalam Kalangan Guru Kelas Tahap Dua (2)**

Tahap Amalan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Baik	565	57276	88.3	85.5	90.6
Sederhana	70	7138	11.0	8.8	13.7
Rendah	4	433	0.7	0.3	1.8

Majoriti Guru Kelas Tahap Dua (2) iaitu 97.6% (95% CI: 96.2, 98.6) mencuci tangan sebelum makan, manakala 85.3% (95% CI: 82.3, 87.9) mengelak makanan yang mengandungi bahan asing seperti rambut. Walau bagaimanapun hanya 40.8% (95% CI: 37.0, 44.7) menyatakan mereka menghidu makanan sebelum makan, manakala 44.6% (95% CI: 40.7, 48.5) Guru Kelas Tahap Dua (2) tidak makan makanan yang terdapat dawai kokot (Lampiran 22).

### 3.4.7 Amalan Guru Kelas Tahap Dua (2) Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian mendapati Guru Kelas Tahun Empat (4) mempunyai amalan baik terhadap keselamatan makanan iaitu 40.4% (95% CI: 36.4, 44.5). Tahap amalan dalam kalangan guru wanita lebih tinggi iaitu 79.8% (95% CI: 76.2, 82.9) berbanding lelaki 20.2% (95% CI: 17.1, 23.8). Amalan baik juga dicatatkan dalam kalangan guru yang berumur antara 31 tahun hingga 39 tahun iaitu 37.2% (95% CI: 33.2, 41.3) dan 40 hingga 49 tahun 37.2% (95% CI: 33.3, 41.3). Selain itu, guru yang memegang ijazah 75.6% (95% CI: 71.9, 79.0) dan telah berkhidmat antara 2 hingga 5 tahun menunjukkan tahap pengetahuan paling baik iaitu 34.9% (95% CI: 31.0, 38.9).

Analisa statistik menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru kelas dengan amalan mereka ( $p < 0.001$ ) terhadap keselamatan makanan (Lampiran 23).

### 3.4.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Guru Kelas Tahap Dua (2))

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 99.0% (95% CI: 97.8, 99.5) responden menyatakan pernah berkongsi maklumat berkaitan keselamatan makanan kepada murid. Maklumat yang paling banyak dikongsi adalah semasa pembelajaran mata pelajaran bahasa iaitu 56.0% (95% CI: 52.0, 59.8). Sebanyak 84.7% (95% CI: 81.7, 87.3) menyatakan teknik penceritaan merupakan pendekatan yang sering digunakan bagi menyampaikan maklumat kepada murid dan tayangan video merupakan pendekatan yang paling efektif bagi meningkatkan kesedaran murid terhadap keselamatan makanan iaitu sebanyak 48.0% (95% CI: 44.1, 51.9) (Lampiran 24).

## 3.5 PENGUSAHA KANTIN DAN PENGENDALI MAKANAN

### 3.5.1 Demografi Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan

Kajian ini melibatkan seramai 581 pengusaha kantin dan pengendali makanan yang terdiri daripada pengusaha kantin (33.0%) dan pengendali makanan (67.0%). Majoriti responden kajian adalah perempuan (80.0%) dan berkelulusan SRP/PMR/SPM (76.2%). Min umur keseluruhan responden ialah 42.4 tahun dan 33.2% merupakan responden yang berumur 50 tahun ke atas. Sementara itu, separuh daripada responden (50.4%) telah mengusahakan atau bekerja di kantin sekolah antara 2 hingga 5 tahun dan 84.9% responden telah menghadiri Latihan Pengendali Makanan (LPM).

Jadual 3.14 Demografi Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan		
Ciri	Kumpulan	n(%)
Pengusaha Kantin/ Pengendali Makanan	Pengusaha kantin	192 (33.0)
	Pengendali makanan	389 (67.0)
Jantina	Perempuan	465 (80.0)
	Lelaki	116 (20.0)
Min Umur Umur	42.4	
	<30 tahun	107 (18.5)
	31-39	121 (20.8)
	40-49	160 (27.5)
	>50 tahun	193 (33.2)
Bangsa	Melayu	418 (71.9)
	Cina	66 (11.4)
	India	35 (6.0)
	Orang Asli	2 (0.3)
	Bumiputra Sabah	37 (6.5)
	Bumiputra Sarawak	21 (3.6)
	Lain-lain	2 (0.3)

Ciri	Kumpulan	n(%)
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/SPM	443 (76.2)
	Diploma/ STPM	62 (10.7)
	Ijazah	17 (2.9)
	Sarjana	0 (0.0)
	PhD	0 (0.0)
	Lain-lain	59 (10.2)
Tempoh mengusahakan/ bekerja di kantin sekolah	< 1 tahun	139 (23.9)
	2 hingga 5 tahun	293 (50.4)
	6 hingga 10 tahun	101 (17.4)
	11 hingga 15 tahun	30 (5.2)
	16 hingga 20 tahun	6 (1.0)
	>21 tahun	12 (2.1)
Mengikuti Latihan Pengendali Makanan (LPM)	Ya	493 (84.9)
	Tidak	88 (15.1)
Jika Ya, bilakah anda mengikuti latihan tersebut	Kurang daripada satu (1) tahun	137 (23.6)
	Setahun (1) hingga dua (2) tahun	116 (20.0)
	Lebih daripada dua (2) tahun	240 (41.3)

### 3.5.2 Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan lebih daripada separuh pengusaha kantin dan pengendali makanan mempunyai tahap pengetahuan keselamatan makanan yang sederhana (59.0%). Jadual 3.15 menunjukkan tahap pengetahuan mereka terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.15 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Pengetahuan	n(%)
Tinggi	179 (30.8)
Sederhana	343 (59.0)
Rendah	59 (10.2)



Hasil kajian mendapati pengetahuan responden adalah tinggi berkaitan tarikh luput pada pembungkus makanan (94.1%), diikuti dengan penggunaan tangan yang bersih semasa mengendalikan makanan boleh mengelakkan pencemaran (89.7%) dan makanan yang telah berbuih dan berlendir tidak selamat untuk dimakan (89.7%). Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati tahap pengetahuan responden adalah rendah berkaitan kesan penyimpanan makanan yang akan terjejas jika peti sejuk penuh dengan bahan makanan dan peralatan (69.2%) dan penggunaan tuala untuk mengelap tangan boleh juga diguna untuk mengelap pinggan mangkuk (60.6%) (Lampiran 25).

### 3.5.3 Pengetahuan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengendali makanan (67.6%) memiliki tahap pengetahuan yang lebih tinggi berkaitan keselamatan makanan berbanding pengusaha kantin (32.4%), manakala tahap pengetahuan responden perempuan lebih tinggi (85.5%) berbanding lelaki (14.5%). Responden yang berumur 50 tahun dan ke atas mencatat bilangan pengetahuan tinggi paling banyak iaitu 34.6% berbanding tahap umur lain diikuti oleh mereka yang berkelulusan SRP/PMR/SPM sebanyak 76.5% dan yang telah mengusahakan atau bekerja di kantin antara 2 hingga 5 tahun adalah 46.9%. Responden yang berkelulusan SRP/PMR/SPM didapati menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi paling banyak iaitu 76.5% responden dan didapati tahap pendidikan responden mempunyai perhubungan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dengan pengetahuan mereka. (Lampiran 26).

### 3.5.4 Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya 69.9% dalam kalangan pengusaha kantin dan pengendali makanan mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.16 menunjukkan tahap sikap keseluruhan keselamatan makanan dalam kalangan pengusaha kantin/pengendali makanan.

**Jadual 3.16 Tahap Sikap Keseluruhan Keselamatan Makanan dalam Kalangan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan**

Tahap Sikap	n(%)
Positif	406 (69.9)
Negatif	175 (30.1)

Dapatan kajian menunjukkan, majoriti (94.7%) responden menunjukkan sikap positif berkaitan amalan membasuh tangan setiap kali selepas menyentuh bahan mentah, diikuti dengan persekitaran kantin mempengaruhi keselamatan makanan (93.8%) dan membaca tarikh luput pada pembungkus makanan adalah penting sebelum membeli serta menjual makanan (91.9%). Hasil kajian ini juga mendapati 68.7% responden bersetuju bahawa memakan makanan yang mengandungi batu kecil adalah tidak selamat dan 60.2% bersetuju makanan yang terbiar lebih empat jam adalah tidak selamat untuk dimakan (Lampiran 27).

### 3.5.5 Sikap Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Pengendali makanan didapati menunjukkan bilangan sikap positif paling banyak iaitu 64.9% berbanding pengusaha kantin. Secara keseluruhannya, 80.5% merupakan wanita, berumur 50 tahun ke atas (33.8%) dan berpendidikan SRP/PMR/SPM (75.3%). Responden juga didapati telah mengusahakan atau bekerja di kantin sekolah dalam tempoh 2 hingga 5 tahun (48.8%) (Lampiran 28).

### 3.5.6 Amalan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan

Dapatan kajian mendapati, lebih separuh (59.2%) responden menunjukkan tahap amalan keselamatan makanan yang baik. Jadual 3.17 menunjukkan tahap amalan keseluruhan responden terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.17 Tahap Amalan Keseluruhan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Amalan	n(%)
Baik	344 (59.2)
Sederhana	210 (36.2)
Rendah	27 (4.6)

Kajian menunjukkan bahawa majoriti pengusaha kantin dan pengendali makanan tidak mengamalkan makan roti yang sudah berkulat (92.6%), diikuti dengan amalan tidak makan makanan yang telah dihinggapi lalat (90.4%). Data juga menunjukkan 92.4% pengusaha kantin dan pengendali makanan mengamalkan mencuci tangan selepas membuang sampah dan 91.7% mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum mengendalikan makanan. Hanya 23.1% responden tidak makan makanan yang dijual di tepi jalan dan 23.8% tidak makan makanan yang dibungkus dengan surat khabar (Lampiran 29).

### 3.5.7 Amalan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan Terhadap Keselamatan Makanan Mengikut Demografi

Hasil kajian mendapati, pengendali makanan mempunyai amalan paling baik berkaitan keselamatan makanan (63.7%) berbanding pengusaha kantin. Tahap amalan dalam kalangan pengendali makanan dan pengusaha kantin wanita pula lebih tinggi (81.4%) berbanding lelaki (18.6). Tahap amalan yang paling baik dikenal pasti dalam kalangan responden berumur di antara 50 tahun ke atas (34.3%). Pendidikan responden secara signifikannya mempunyai perhubungan dengan amalan terhadap keselamatan mereka ( $p < 0.001$ ). Sebanyak 73.2% responden yang menunjukkan tahap amalan baik, berpendidikan SRP/PMR/SPM dan 48.5% telah mengusahakan kantin dan bekerja di kantin sekolah antara 2 hingga 5 tahun (Lampiran 30).

### 3.5.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan)

Sebanyak 93.5% dalam kalangan pengusaha kantin dan pengendali makanan menyatakan bahawa mereka pernah memperolehi maklumat keselamatan makanan. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka memperoleh maklumat tersebut daripada Jabatan Kesihatan Negeri (80.6%). Kajian ini turut mendapati bahawa aktiviti latihan (62.7%), siaran televisyen (58.5%), internet (46.1%), media sosial (44.8%) dan radio (40.1%) merupakan sumber maklumat keselamatan makanan bagi pengusaha kantin dan pengendali makanan. Selain itu, majoriti responden menyatakan mereka selalu mengamalkan apa yang mereka tahu melalui maklumat yang diperolehi (88.1%) (Lampiran 31).

### 3.6 IBU BAPA ATAU PENJAGA

#### 3.6.1 Demografi Ibu Bapa atau Penjaga

Kajian ini melibatkan seramai 635 orang ibu bapa dan penjaga dan majoriti (77.5%) responden adalah dalam kalangan ibu. Min umur keseluruhan responden adalah 40.8. Hampir separuh responden berumur antara 40 hingga 49 tahun (46.3%) manakala 51.3% responden berpendidikan peringkat ijazah. Jadual 3.18 menunjukkan demografi ibu bapa atau penjaga.

<b>Jadual 3.18 Demografi Ibu Bapa atau Penjaga</b>		
<b>Ciri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>n(%)</b>
Ibu/ Bapa/ Penjaga	Ibu	492 (77.5)
	Bapa	122 (19.2)
	Penjaga	21 (3.3)
Jantina	Lelaki	130 (20.5)
	Perempuan	505 (79.5)
Umur	<30 tahun	18 (2.8)
	31-39	262 (41.3)
	40-49	294 (46.3)
	>50 tahun	61 (9.6)
Bangsa	Melayu	459 (72.3)
	Cina	70 (11.0)
	India	32 (5.0)
	Orang Asli	2 (0.3)
	Bumiputra Sabah	48 (7.6)
	Bumiputra Sarawak	21 (3.3)
	Lain-lain	3 (0.5)
Tahap Pendidikan	SRP/PMR/SPM	162 (25.5)
	Diploma/ STPM	124 (19.5)
	Ijazah	326 (51.3)
	Sarjana	17 (2.7)
	PhD	0 (0.0)
	Lain-lain	6 (0.9)

### 3.6.2 Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan

Majoriti (93.1%) ibu bapa dan penjaga mempunyai tahap pengetahuan keselamatan makanan yang tinggi berkaitan pengetahuan keselamatan makanan. Jadual 3.19 menunjukkan tahap pengetahuan keselamatan makanan dalam kalangan ibu bapa dan penjaga.

**Jadual 3.19 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Pengetahuan	n(%)
Baik	591 (93.1)
Sederhana	43 (6.7)
Rendah	1 (0.2)

Majoriti (99.4%) kumpulan ibu bapa dan penjaga tahu mengenai kepentingan tarikh luput pada pembungkus makanan serta tahu (99.1%) bahawa surat khabar tidak selamat digunakan sebagai pembungkus makanan. Walau bagaimanapun, hanya 71.5% responden dapat menyatakan kuman pada peralatan memasak tidak boleh dibasmi menggunakan air panas serta 75.3% dan suhu persekitaran kantin yang panas boleh meningkatkan kadar pembiakan kuman (Lampiran 32).

### 3.6.3 Tahap Pengetahuan Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi

Ibu murid didapati menunjukkan tahap pengetahuan paling baik berkaitan kesedaran keselamatan makanan (78.3%). Hampir separuh (47.5%) ibu bapa dan penjaga yang menunjukkan tahap pengetahuan baik adalah dalam kalangan yang berumur di antara 40 tahun hingga 49 tahun dan 51.3% daripadanya merupakan pemegang ijazah. Analisa statistik menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara jantina ibu bapa dan penjaga dengan tahap pengetahuan terhadap keselamatan mereka (Lampiran 33).

### 3.6.4 Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian mendapati 69.6% ibu bapa dan penjaga mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.20 Tahap Sikap Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Sikap	n(%)
Positif	442 (69.6)
Negatif	193 (30.4)

Majoriti responden bersetuju bahawa membaca maklumat kandungan (label) pada pembungkus makanan adalah penting semasa membeli makanan (99.2%) dan 97.8% responden juga bersetuju bahawa mencuci tangan dengan sabun sebelum makan dapat mengelak keracunan makanan. Walau bagaimanapun 54.0% responden bersetuju bahawa membeli makanan dari di gerai tepi jalan boleh diamalkan dan 37.3% menyatakan air yang tidak dimasak boleh diguna untuk buat ais (Lampiran 34).

### 3.6.5 Tahap Sikap Ibu Bapa atau Penjaga Mengikut Demografi

Dapatan kajian merekodkan, ibu murid menunjukkan sikap positif yang paling tinggi iaitu sebanyak 83.0%, diikuti 47.3% yang bersikap positif adalah berumur di antara 40 hingga 49 tahun dan 54.6% responden adalah pemegang ijazah. Analisa statistik menunjukkan terdapat perhubungan signifikan antara kumpulan ibu bapa dan penjaga ( $p < 0.001$ ) dengan tahap sikap mereka terhadap keselamatan makanan. (Lampiran 35).

### 3.6.6 Amalan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan

Secara keseluruhannya, tahap amalan ibu bapa dan penjaga berkaitan keselamatan makanan adalah tinggi (83.0%). Jadual 3.21 menunjukkan tahap amalan keseluruhan ibu bapa atau penjaga terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.21 Tahap Amalan Keseluruhan Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Amalan	n(%)
Baik	527 (83.0)
Sederhana	107 (16.8)
Rendah	1 (0.2)

Kajian menunjukkan bahawa majoriti (98.9%) responden mengamalkan amalan mencuci tangan setiap kali sebelum makan, sentiasa membaca tarikh luput pada pembungkus makanan (95.1%) dan mencuci tangan selepas buang sampah (95.7%). Selain daripada itu, majoriti (85.7%) responden didapati jarang mengamalkan (kadang-kadang) makan makanan yang dijual di tepi jalan dan 56.1% jarang mengamalkan makan makanan yang terdapat dawai kokot pada pembungkus makanan (Lampiran 36).

### 3.6.7 Amalan Ibu Bapa dan Penjaga Mengikut Demografi

Dapatan kajian mendapati dalam kalangan ibu bapa dan penjaga, ibu murid menunjukkan amalan paling tinggi berkaitan kesedaran keselamatan makanan (78.7%). Disamping itu, tahap amalan yang baik turut dicatatkan dalam kalangan responden yang berumur di antara 40 hingga 49 tahun iaitu sebanyak 45.9% dan lebih dari separuh (54.1%) daripadanya adalah merupakan pemegang ijazah. Terdapat perhubungan yang signifikan ( $p < 0.001$ ) antara kumpulan ibu bapa dan penjaga dengan amalan mereka terhadap keselamatan makanan (Lampiran 37).

### 3.6.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan (Ibu Bapa atau Penjaga)

Sebanyak 99.1% responden menyatakan bahawa mereka mendidik anak tentang keselamatan makanan di rumah. Responden juga menyatakan bahawa mereka memberi kepada anak duit belanja sekolah dengan kerap (74.6%). Sebanyak 54.3% ibu bapa dan penjaga kadang kala menyediakan bekalan makanan untuk anak ke sekolah. Selain daripada itu, majoriti (94.6%) responden menyatakan pernah menerima maklumat berkaitan keselamatan makanan. Daripada jumlah tersebut, responden menyatakan maklumat keselamatan makanan yang diterima adalah daripada media massa (80.5%) dan televisyen (79.8%) (Lampiran 38).

### 3.7 MURID TAHUN EMPAT (4) DAN LIMA (5)

#### 3.7.1 Demografi Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)

Kajian ini melibatkan seramai 1,973 murid yang melebihi separuh terdiri daripada murid perempuan 59.7% dan lelaki 40.3%. Sebanyak 49.3% adalah murid Tahun Empat (4) dan 50.7% adalah Tahun Lima (5). Analisis kajian juga mendapati majoriti 79.9% bapa murid bekerja manakala lebih 51.2% ibu murid bekerja. Jadual 3.22 menunjukkan demografi Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5).

<b>Jadual 3.22 Demografi Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)</b>		
<b>Ciri</b>	<b>Kumpulan</b>	<b>n(%)</b>
Jantina	Lelaki	863(40.3)
	Perempuan	1110(59.7)
Tahun	Empat (4)	950(49.3)
	Lima (5)	1023(50.7)
Bangsa	Melayu	912(56.0)
	Cina	277(33.0)
	India	69(1.9)
	Orang Asli	15(0.8)
	Bumiputra Sabah	315(3.9)
	Bumiputra Sarawak	282(1.8)
	Lain-lain	103(2.6)
Pekerjaan Ibu	Bekerja	823(51.2)
	Tidak Bekerja	823(39.1)
	Pesara	27(1.6)
	Tidak Tahu	241(6.6)
	Tidak Berkenaan	59(1.5)
Pekerjaan Bapa	Bekerja	1282(79.9)
	Tidak Bekerja	142(4.2)
	Pesara	56(3.0)
	Tidak Tahu	399(10.9)
	Tidak Berkenaan	94(2.0)
Pekerjaan Penjaga	Bekerja	1(0.0)
	Tidak Bekerja	0(0.0)
	Pesara	0(0.0)
	Tidak Tahu	0(0.0)
	Tidak Berkenaan	1972

### 3.7.2 Pengetahuan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan

Kajian menunjukkan, majoriti murid mencatat tahap pengetahuan keselamatan makanan yang sederhana pada 85.1% (95% CI: 84.0, 86.1). Jadual 3.23 menunjukkan tahap pengetahuan murid terhadap keselamatan makanan.

**Jadual 3.23 Tahap Pengetahuan Keseluruhan Murid Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Pengetahuan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Tinggi	1117	122277	13.1	12.8	13.5
Sederhana	832	792752	85.1	84.0	86.1
Rendah	24	16939	1.8	1.1	3.1

Kajian mendapati pengetahuan murid adalah tinggi berkenaan makanan yang telah berbuih dan berlendir adalah tidak selamat untuk dimakan iaitu 94.4%. Ini diikuti dengan pengetahuan berkaitan peralatan yang tidak dibasuh menggunakan sabun pencuci pinggan mangkuk boleh menyebabkan pencemaran makanan pada 89.0%.

Sementara itu, pengetahuan murid mengenai bahan kimia (racun tikus, racun serangga) boleh diletakkan berhampiran bahan mentah kering (beras, bawang, cili kering) adalah paling rendah iaitu 1.6%. Ini diikuti dengan pengetahuan berkaitan tuala yang digunakan untuk mengelap tangan boleh digunakan untuk mengelap pinggan mangkuk pada 1.8% (Lampiran 39).

### 3.7.3 Tahap Pengetahuan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi

Murid tahun Lima 5 mencatatkan pengetahuan paling baik berkaitan kesedaran keselamatan makanan pada tahap 54.5% berbanding murid Tahun 4. Tahap pengetahuan dalam kalangan murid perempuan lebih tinggi dengan 57.2% berbanding lelaki 42.8%. Analisis kajian mendapati pengetahuan baik dalam kalangan murid yang mempunyai ibu yang bekerja adalah 41.7% dan bapa yang bekerja 65.0%. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jantina ( $p < 0.05$ ) dengan tahap pengetahuan (Lampiran 40).

### 3.7.4 Sikap Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan

Hasil kajian mendapati 65.9% (95% CI: 58.5, 65.9) murid mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan. Jadual 3.24 menunjukkan tahap sikap.

**Jadual 3.24 Tahap Sikap Keseluruhan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Sikap	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Positif	1041	580010	62.2	58.5	65.9
Negatif	932	351959	37.8	34.1	41.5

Majoriti murid 94.3% bersikap positif bahawa tangan yang dicuci dengan sabun sebelum makan dapat mencegah berlakunya keracunan makanan seperti sakit perut, cirit-birit dan muntah-muntah. Ini diikuti kepentingan membaca maklumat kandungan (label) pada pembungkus makanan semasa membeli makanan pada 93.4%. Hasil kajian menunjukkan 61.4% murid menyatakan makanan yang dihidang lebih empat jam adalah selamat untuk dimakan manakala 34.2% murid bersetuju dawai kokot boleh diguna pada pembungkus makanan (Lampiran 41).

### 3.7.5 Sikap Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi

Kajian mendapati sikap positif terhadap keselamatan makanan paling tinggi adalah dalam kalangan murid perempuan 66.3% berbanding murid lelaki serta dalam kalangan murid Tahun Lima (5) (53.8%). Analisis juga menunjukkan sikap positif paling tinggi dicatatkan dalam kalangan murid yang mempunyai ibu bekerja (52.1%) dan bapa bekerja iaitu sebanyak 84.9%. Analisa statistik menunjukkan, terdapat perhubungan yang signifikan antara jantina murid ( $p < 0.05$ ) dengan tahap sikap responden.

### 3.7.6 Amalan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan

Lebih separuh daripada murid menunjukkan tahap amalan keselamatan makanan yang baik pada 54.9%. Jadual 3.25 menunjukkan tahap amalan keseluruhan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan.

**Jadual 3.25 Tahap Amalan Keseluruhan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Terhadap Keselamatan Makanan**

Tahap Amalan	Bilangan	Estimated Population	Prevalence (%)	95% CI	
				Lower	Upper
Baik	862	511968	54.9	51.6	58.2
Sederhana	1103	418581	44.9	41.6	48.2
Rendah	8	1419	0.2	0.0	0.7

Kajian menunjukkan bahawa majoriti murid (95.7%) tidak makan roti yang sudah berkulat dan tidak makan makanan yang telah dihinggapai lalat atau serangga lain (91.7%). Data juga menunjukkan 80.9% murid membaca tarikh luput pada pembungkus makanan dan 78.8% murid mencuci tangan sebelum makan. Hasil kajian mendapati hanya 20.0% murid tidak makan makanan yang dibungkus dengan surat khabar dan diikuti 29.8% tidak pernah makan makanan yang dijual di tepi jalan (Lampiran 43).

### 3.7.7 Amalan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5) Mengikut Demografi

Murid Tahun 5 didapati mencatatkan amalan paling tinggi berkaitan kesedaran keselamatan makanan pada tahap 52.0%. Tahap amalan dalam kalangan murid perempuan lebih tinggi (67.3%) berbanding murid lelaki (32.7%). Analisis kajian juga mendapati tahap amalan paling baik dalam kalangan murid yang mempunyai ibu yang bekerja (54.6%) dan bapa yang bekerja 86.2% (Lampiran 44).

Analisa statistik menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jantina murid ( $p < 0.001$ ) dan status pekerjaan bapa murid dengan ( $p < 0.001$ ) tahap amalan terhadap keselamatan makanan murid.

### 3.7.8 Pelaksanaan Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)

Majoriti murid [75.2% (95% CI: 70.0, 79.9)] mengambil sarapan pagi di rumah. Sebanyak 63.2% (95% CI: 61.0, 65.1) murid menyatakan ibubapa mereka membekalkan makanan yang disediakan dari rumah. Majoriti murid menerima duit belanja sekolah daripada ibu bapa mereka [91.2% (95% CI: 87.8, 93.7)] dan mendapatkan bekalan makanan di kantin semasa di sekolah [84.9% (95% CI:



81.0, 88.1)]. Murid didapati selalu membeli dan makan nasi ayam [33.0% (95% CI: 27.9, 38.5)], nasi lemak [32.3% (95% CI: 27.5, 37.6)] semasa di sekolah. Sebanyak 60.4% (95% CI: 55.4, 65.3) murid menyatakan mereka membeli makanan tersebut rasanya kerana sedap dan 29.0% (95% CI: 24.1, 34.5) menyatakan makanan tersebut berkhasiat (Lampiran 45).

### **3.7.9 Sumber Maklumat Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

Majoriti murid [92.5% (95% CI: 89.6, 94.6)] menyatakan mereka pernah mendapat maklumat berkaitan keselamatan makanan iaitu 54.3% (95% CI: 48.9, 59.6) dan menyatakan mereka menerima maklumat tersebut daripada Guru Sukan dan dari Guru Kesihatan [32.5% (95% CI: 27.4, 37.9)].

Murid juga memberikan respon berhubung penggunaan internet dalam mendapatkan maklumat berkaitan keselamatan makanan. Sebanyak 90.0% (95% CI: 89.9, 90.1) murid menyatakan mereka selalu menggunakan internet dan 52.9% (95% CI: 47.7, 58.1) menyatakan mereka menggunakan internet di kafe internet. Murid juga didapati banyak menggunakan telefon pintar [43.9% (95% CI: 38.4, 49.5)] untuk mendapatkan capaian internet.

Sebanyak 53.4% (95% CI: 51.2, 55.5) murid menyatakan terdapat kumpulan laman sosial di kawasan kejiranan mereka. Namun begitu, hanya 6.3% (95% CI: 4.7, 8.4) yang menyertai kumpulan tersebut dan 54.2% (95% CI: 52.0, 56.4) menyatakan topik keselamatan makanan ada dibincangkan dalam kumpulan tersebut. Murid juga bersetuju [56.7% (95% CI: 54.5, 58.9)] akan mengikut kumpulan laman sosial tersebut jika topik keselamatan makanan diperkenalkan pada masa hadapan (Lampiran 46).

## **4.0 PERBINCANGAN**

### **4.1 PENTADBIR SEKOLAH, GURU KELAS TAHAP DUA (2) , GURU PENDIDIK KESIHATAN DAN IBU BAPA ATAU PENJAGA**

#### **4.1.1 Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa atau Penjaga**

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan Pentadbir Sekolah dan Ibu bapa atau penjaga adalah melebihi 90%, diikuti Guru Kelas Tahap Dua (2) (82.1%) dan Guru Pendidik Kesihatan (75.0%). Tahap pengetahuan keselamatan makanan responden adalah tinggi terutamanya berkaitan mencuci tangan dengan sabun sebelum makan. Walau bagaimanapun, aspek pengetahuan yang kurang baik seperti bahaya pewarna tiruan (rodhamine B) dalam makanan, suhu panas dalam persekitaran kantin yang boleh meningkatkan kadar pembiakan kuman, dan penggunaan air panas untuk membasmi kuman pada peralatan memasak perlu diberikan perhatian.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Sanlier dan Konaklioglu (2012), iaitu peralatan memasak yang tercemar, masa dan suhu penyimpanan makanan yang tidak selamat, kebersihan diri yang kurang, dan makanan dari sumber yang tidak selamat merupakan faktor biasa yang menyumbang kepada wabak penyakit bawaan makanan.

#### **4.1.2 Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa atau Penjaga**

Aspek sikap terhadap keselamatan makanan dalam kalangan responden adalah penting dalam menentukan amalan atau tindakan untuk mengubah tingkahlaku kesihatan masyarakat. Secara keseluruhannya, sikap responden terhadap keselamatan makanan adalah pada tahap positif. Guru Kelas Tahap Dua (2) menunjukkan sikap positif paling tinggi iaitu 76.4% manakala yang terendah ialah Guru Pendidik Kesihatan (66.3%).

Majoriti responden menunjukkan sikap yang positif berkaitan mencuci tangan dengan sabun dapat mengelak keracunan makanan, bahaya menggunakan racun serangga pada sayuran, kepentingan membaca label makanan, tidak boleh makan makanan yang telah dihinggapi lalat dan digigit tikus serta keperluan mengasingkan makanan mentah dan yang telah masak untuk mengelak keracunan. Menurut Sanlier & Konaklioglu (2012), peralatan memasak yang tercemar, cara penyimpanan makanan yang tidak selamat, kebersihan diri yang lemah, makanan dari sumber yang tidak selamat dan cara memasak yang tidak betul merupakan elemen biasa yang menyumbang kepada penyakit bawaan makanan.

Keselamatan makanan adalah isu yang tidak boleh dikompromi dan diambil mudah oleh masyarakat. Namun begitu, ramai responden didapati masih mengabaikan aspek keselamatan makanan seperti membeli makanan dari gerai di tepi jalan, menyimpan makanan secara tidak selamat dan membuat ais menggunakan air yang tidak dimasak. Selain itu, makanan yang dihidang lebih daripada empat jam adalah tidak selamat untuk dimakan dan sabun pencuci pakaian untuk mencuci peralatan memasak tidak selamat untuk digunakan. Pengabaian aspek yang dinyatakan berisiko mengundang keracunan makanan.

#### **4.1.3 Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan dan Ibu Bapa atau Penjaga**

Pentadbir sekolah, guru dan ibu bapa atau penjaga merupakan golongan yang memainkan peranan besar dalam keselamatan makanan sama ada pada diri sendiri, keluarga mahupun kepada organisasi mereka terutamanya sekolah. Di sekolah, aspek keselamatan makanan amat dititikberatkan bagi mengurangkan faktor risiko keracunan makanan.

Secara keseluruhannya, amalan terhadap keselamatan makanan dalam kalangan responden adalah di tahap baik. Pentadbir Sekolah menunjukkan tahap amalan baik tertinggi iaitu 88.9%, diikuti dengan Guru Kelas Tahap Dua (2) (88.3%), Ibu bapa atau penjaga (83.0%) dan Guru Pendidik Kesihatan sebanyak 77.0%. Hasil kajian ini menunjukkan, majoriti responden mementingkan amalan keselamatan makanan dalam urusan seharian mereka. Amalan baik ini secara langsung akan mewujudkan persekitaran keselamatan makanan di sekolah yang positif dan selamat kepada murid. Amalan ini merupakan antara perkara asas yang perlu dititik beratkan dalam memastikan kebersihan dan keselamatan makanan adalah terjamin. Sebagai contoh, amalan mencuci tangan sebelum makan akan mengurangkan risiko pencemaran pada makanan dan seterusnya membawa kepada keracunan makanan.

Majoriti responden didapati mengamalkan amalan mencuci tangan setiap kali sebelum makan, mencuci tangan selepas membuang sampah dan tidak makan roti yang sudah berkulat. Menurut Curtis, Val et al (2003) amalan membasuh tangan boleh mengurangkan risiko diarrhoea sebanyak 47%. Guru Kelas Tahap Dua (2), Ibu bapa atau penjaga mengakui membaca terlebih dahulu tarikh luput pada pembungkus makanan. Namun begitu, responden didapati masih kurang mengamalkan menghidu makanan sebelum makan. Amalan ini membantu pengguna untuk mengenal pasti sama ada makanan tersebut selamat dimakan atau pun tidak. Responden juga didapati masih mengamalkan makan makanan yang di jual ditepi jalan walaupun mereka tahu risiko makanan itu tercemar. Amalan membeli makanan yang dibungkus dengan surat khabar juga antara yang selalu diamalkan oleh responden, walaupun mereka tahu surat khabar tidak selamat digunakan sebagai pembungkus makanan. Di samping itu, responden juga didapati masih membeli makanan yang menggunakan dawai kokot pada pembungkus makanan walaupun penggunaannya membahayakan pengguna terutamanya kanak-kanak.

## 4.2 PENGUSAHA KANTIN / PENGENDALI MAKANAN

### 4.2.1 Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan

Pengusaha dan pengendali makanan adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan kadar kebersihan makanan yang disediakan kepada pengguna di setiap premis makanan (Lah, 2000). Menurut Akta Makanan 1983, semua pengendali makanan perlu menjalani Latihan Pengendali Makanan (LPM) sebelum terlibat dalam perkhidmatan berasaskan makanan. Latihan ini dianjurkan oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diluluskan oleh KKM. Latihan ini diselia oleh pengajar yang mempunyai sijil khas dalam perkhidmatan makanan dan diiktiraf sebagai Tenaga Pengajar oleh KKM. Semasa latihan, pengendali makanan didedahkan dengan pengetahuan tentang keselamatan makanan, kebersihan diri, kebersihan peralatan memasak, kaedah penyediaan dan penyimpanan makanan yang selamat dan penggunaan pembungkusan yang selamat terhadap makanan.

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan pengusaha kantin dan pengendali makanan berada pada tahap sederhana iaitu 59.0%. Bilangan pengetahuan yang ditunjukkan ini dianggap agak tidak memuaskan, kerana pengusaha kantin dan pengendali makanan merupakan barisan hadapan yang memastikan makanan yang dijual kepada pelajar dan guru adalah selamat. Hasil kajian ini disokong oleh dapatan kajian Siow dan Norrakiah (2011) berkaitan pengetahuan, sikap dan amalan pengendali makanan di kolej kediaman dan kantin di UKM terhadap keselamatan makanan. Hasil kajian mendapati pengetahuan pengendali makanan adalah sederhana dengan min mata betul 57.8%. Menurut Abera, Biadegelgen, & Bezabih (2010), penyediaan makanan yang tidak selamat dan kurangnya aspek kebersihan boleh menyebabkan penyebaran penyakit bawaan makanan dari ladang hingga ke sudu, dari peringkat pengeluaran makanan, pemprosesan dan kepada pembungkusan serta pengedaran makanan sehinggalah kepada penggunaan makanan.

Pengusaha kantin dan pengendali makanan didapati mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan kepentingan mengetahui tarikh luput pada pembungkus makanan dan minuman, memastikan tangan yang bersih untuk mengendalikan makanan dan bahaya memakan makanan yang telah berbuih dan berlendir. Selain itu, mereka juga mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan penggunaan surat khabar sebagai pembungkus makanan adalah tidak selamat, masalah kesihatan yang timbul jika makan makanan yang mengandungi rambut, kepentingan membasuh alatan menggunakan sabun pencuci pinggan mangkuk, penyimpanan makanan mentah dan makanan yang telah dimasak serta bahaya penggunaan minyak masak berulang kali. Dapatan ini menunjukkan pengusaha kantin dan pengendali makanan mengetahui dengan jelas mengenai kepentingan keselamatan makanan. Menurut Scarborough, M.F (2002) dan Curtis, Val et al (2003), kebersihan diri yang lemah terutamanya cara membasuh tangan yang tak betul, dikenalpasti sebagai faktor risiko yang menyumbang kepada kejadian keracunan makanan.

Walau bagaimanapun, tiga aspek keselamatan makanan yang dikenal pasti mencatat bilangan pengetahuan paling rendah adalah berkaitan penggunaan tuala yang digunakan untuk mengelap tangan dibolehkan untuk mengelap pinggan mangkuk (60.6%), kepentingan melindungi dapur dari makhluk perosak seperti tikus dan cicak (64.4%) dan bahaya bahan kimia jika diletakkan berhampiran dengan bahan mentah (65.2%). Aspek-aspek tersebut adalah sangat kritikal dan sangat penting untuk diketahui oleh pengusaha kantin dan pengendali makanan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara aspek pendidikan pengusaha kantin dan pengendali makanan dengan pengetahuan mereka. Hasil kajian ini selari dengan penemuan oleh Martins et al. (2012) yang melaporkan skor purata untuk pengetahuan, meningkat dengan tahap pendidikan. Justeru, aspek pendidikan responden boleh diambilkira dalam pemilihan pengendali makanan disamping latihan berterusan berkaitan keselamatan makanan diberikan kepada mereka.

#### 4.2.2 Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Makanan dan Pengendali Makanan

Sikap yang baik berkaitan keselamatan makanan adalah aspek yang penting untuk dititikberatkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 66.9% Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan. Sikap yang positif sangat penting dalam memastikan amalan yang baik dalam penyediaan makanan.

Sharif L dan Al-Malki T (2010) menyatakan kombinasi tiga faktor iaitu pengetahuan, sikap dan amalan pengendali makanan memainkan peranan yang dominan dalam keselamatan makanan yang berkaitan dengan industri perkhidmatan makanan.

Majoriti responden setuju persekitaran kantin mempengaruhi keselamatan makanan, kepentingan membaca tarikh luput pada pembungkus makanan, peralatan memasak yang bersih menghasilkan makanan yang selamat serta setuju kepentingan membasuh tangan selepas menyentuh bahan mentah. Kesemua elemen diatas merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan oleh pengusaha kantin dan pengendali makanan untuk memastikan makanan yang disediakan selamat untuk dimakan oleh murid.

Sikap sambil lewa terhadap keselamatan makanan boleh menyebabkan risiko kepada keracunan makanan. Terdapat tiga aspek sikap yang mencatat Bilangan paling rendah iaitu berkaitan makanan yang telah terbiar melebihi empat (4) jam tidak selamat untuk di makan, tidak perlu membasuh tangan jika menggunakan penyepit dan sikap berkaitan makanan yang mengandungi batu kecil adalah tidak selamat. Bilangan sikap yang rendah ini memberi gambaran bahawa pengusaha kantin dan pengendali makanan perlu mengubah sikap berkaitan dengan aspek yang dinyatakan demi memastikan makanan yang mereka kendalikan benar-benar selamat.

#### 4.2.3 Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Pengusaha Kantin dan Pengendali Makanan

Amalan baik pengusaha kantin dan pengendali makanan dalam mengendalikan makanan di kantin akan memastikan kes keracunan makanan tidak berlaku di sekolah. Secara keseluruhannya, amalan berkaitan keselamatan makanan pengusaha kantin dan pengendali makanan di kantin sekolah dalam kajian ini adalah pada tahap baik iaitu 59.2%. Namun begitu, masih banyak ruang penambahbaikan boleh dilakukan dari segi amalan berkaitan keselamatan makanan dalam kalangan responden. Menurut Bryan (1988), apabila pengendali makanan tidak mengamalkan kebersihan diri yang baik atau pengendalian yang betul, ini akan memungkinkan mikroorganisma berkembang melalui tangan, mulut, kulit dan rambut. Justeru, amatlah penting bagi responden mengutamakan dan mengamalkan kebersihan diri yang baik serta memastikan makanan yang mereka kendalikan itu adalah bersih dan selamat untuk di makan.

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan responden dengan amalan keselamatan makanan mereka. Semakin tinggi tahap pendidikan responden maka semakin tinggi amalan keselamatan mereka. Justeru itu, adalah amat penting untuk diberikan maklumat serta kemahiran terhadap pengendalian makanan yang dihidangkan kepada murid dan guru sekolah. Menurut Martin et al. (2012), dalam memastikan pengendali makanan mengamalkan cara yang betul dalam mengendalikan makanan, pengetahuan dan latihan amat perlu sebagai sebahagian daripada tugas mereka.

Hasil kajian mendapati antara aspek keselamatan makanan yang menunjukkan bilangan amalan yang baik ialah mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum mengendalikan makanan, mencuci tangan selepas membuang sampah, tidak makan roti yang telah berkulat dan tidak makan makanan yang telah dihinggapi lalat. Amalan ini merupakan perkara asas yang penting dalam proses penyediaan makanan. Contohnya, tangan yang tidak bersih merupakan ejen yang besar dalam merebakkan mikroorganisma berbahaya melalui pencemaran silang (Bas, Ersun & Kivanc, 2006). Ini boleh terjadi jika mereka mengabaikan kepentingan membasuh tangan sebelum menyediakan makanan.

Meskipun majoriti responden menunjukkan amalan berkaitan keselamatan makanan yang baik, masih terdapat beberapa aspek yang mencatat bilangan amalan keselamatan makanan yang rendah. Aspek pertama adalah berkaitan amalan menghidu makanan sebelum makan. Amalan ini amat penting kerana membantu mengenal pasti status makanan yang dijual sama ada selamat atau tidak. Aspek berikutnya adalah berkaitan amalan minum minuman berair menggunakan air yang tidak dimasak, makan makanan yang dibungkus dengan surat khabar, menggunakan dawai kokot dalam pembungkusan makanan dan membeli makanan dalam tin yang kemek. Sebagai pengusaha kantin dan pengendali makanan yang telah diberi latihan oleh Tenaga Pengajar di SLPM, semua aspek keselamatan makanan harus ditekankan dan diamalkan dalam urusan seharian mereka.

### 4.3 MURID TAHUN EMPAT (4) DAN LIMA (5)

#### 4.3.1 Pengetahuan Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)

Murid merupakan kumpulan responden terbesar dalam kajian ini dan dapatan kajian ini amat penting dalam mengenalpasti pengetahuan mereka terhadap keselamatan makanan. Menurut Mullan et al. (2013), zaman kanak-kanak merupakan masa yang sangat penting dalam membina pengetahuan dan kemahiran dalam keselamatan makanan.

Murid adalah kumpulan yang *vulnerable* dan mudah terdedah kepada penyakit bawaan makanan dan air jika makanan yang dibeli di kantin atau dibawa sendiri dari rumah tidak disediakan secara bersih dan selamat. Oleh itu, pengetahuan murid terhadap keselamatan makanan adalah sangat penting sebagai asas dalam memilih makanan yang baik dan selamat. Menurut Gavaravarapu et al. (2009), pendidikan berkaitan keselamatan makanan sangat membantu kepada golongan muda kerana akan membantu mereka membina pengetahuan yang mantap, sikap yang baik dan kemahiran yang tinggi dalam memahami isu keselamatan makanan.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti (85.1%) murid dalam kajian ini memiliki tahap pengetahuan yang sederhana berkaitan keselamatan makanan. Ini menunjukkan masih ramai lagi murid yang tidak mengetahui dengan baik dan jelas berkaitan aspek keselamatan makanan. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Mohammed Almansour (2016) mendapati tahap pengetahuan murid terhadap keselamatan makanan adalah pada tahap yang sederhana, manakala kajian oleh Siyan Zhan et al (2017) menyatakan 37.5% murid mencatat pengetahuan tahap sederhana.

Kajian ini mendapati tahap pengetahuan murid adalah tinggi berkaitan makanan yang telah berbuih dan berlendir adalah tidak selamat untuk dimakan. Ini diikuti dengan pengetahuan berkaitan peralatan yang tidak dibasuh menggunakan sabun pencuci pinggan mangkuk boleh menyebabkan pencemaran makanan. Menurut Mohd Rizal (2010), peralatan dapur perlu dicuci menggunakan air bersih, sabun dan bahan pencuci yang sesuai serta disimpan di tempat yang sesuai supaya tidak dicemari apabila hendak digunakan.

Sementara itu, tahap pengetahuan murid yang paling rendah adalah berkaitan bahan kimia (racun tikus, racun serangga) yang boleh diletakkan berhampiran bahan mentah kering (beras, bawang, cili kering). Pencemaran kimia dipercayai boleh berlaku ke atas makanan kering jika berlakunya pencemaran silang (jika pembungkus bahan kimia beracun telah terbuka, terkoyak atau terdedah kepada makanan kering tersebut). Pengetahuan murid juga adalah rendah berkaitan tuala yang digunakan untuk mengelap tangan boleh digunakan untuk mengelap pinggan mangkuk. Tuala pengelap tangan dan peralatan yang digunakan untuk penyediaan makanan merupakan perantara yang menyumbang kepada pencemaran makanan kerana tuala yang kotor menjadi tempat pembiakan bakteria mahupun kulat yang akhirnya menjadi penyebab kejadian keracunan makanan. Akabanda (2012), menyatakan bahawa tuala mengelap tangan dan peralatan boleh menyebabkan berlakunya pencemaran makanan. Dapatan ini memberi gambaran bahawa murid masih belum mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan prinsip asas keselamatan makanan.

Tahap pengetahuan murid dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Hasil kajian ini mendapati faktor demografi murid iaitu jantina dan pekerjaan ibu bapa atau penjaja menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap pengetahuan murid terhadap keselamatan makanan.

#### **4.3.2 Sikap Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

Sikap terhadap keselamatan makanan merupakan komponen yang penting dalam membantu menterjemahkan pengetahuan kepada amalan. Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar murid (65.9%) mempunyai sikap positif terhadap keselamatan makanan. Kajian daripada Mohammed Almansour (2016) bahawa pengetahuan dan sikap majoriti murid sekolah rendah adalah pada tahap yang sederhana disebabkan kurangnya minat terhadap keselamatan makanan.

Mencuci tangan merupakan komponen terpenting dalam pencegahan keracunan makanan. Tangan yang tidak bersih mengandungi bakteria berbahaya yang boleh menyebabkan pencemaran makanan. Amalan tidak menitikberatkan kebersihan diri dan penggunaan *sanitizer* yang tidak mencukupi merupakan punca utama dalam peningkatan beban penyakit berjangkit di negara-negara yang membangun (Alyssa Vivas, 2011). Sikap yang positif berkaitan mencuci tangan membantu mencegah berlakunya keracunan makanan dalam kalangan murid.

Seterusnya, kajian mendapati sikap murid terhadap makanan yang telah diinggapi oleh lalat atau digigit tikus boleh dimakan adalah tinggi. Secara amnya makanan yang telah diinggapi lalat boleh tercemar dengan bakteria yang boleh menyebabkan berlakunya keracunan makanan. Kajian Monica Pava-Ripoll (2015) mendapati beberapa jenis bakteria seperti *Cronobacter*, *Salmonella enterica*, dan *Listeria monocytogenes* terdapat pada 100 ekor lalat liar yang ditangkap dan dijalankan ujikaji. Sekurang-kurangnya satu daripada tiga patogen bawaan makanan tersebut dijumpai di saluran pencernaan (22%) dan permukaan badan (8%) yang dikumpulkan dari lalat liar tersebut.

Label makanan mengandungi maklumat yang menunjukkan isi kandungan di dalam makanan tersebut. Oleh itu, membaca label makanan amatlah penting terutamanya berkaitan tarikh luput makanan tersebut. Hasil kajian ini mendapati majoriti murid mempunyai sikap positif berkaitan membaca label pada pembungkus makanan. Maklumat pada label makanan adalah sumber maklumat yang penting. Tarikh luput pada makanan merupakan indikator bahawa makanan masih berada dalam keadaan baik/berkualiti dan selamat untuk dimakan. Pengguna perlu melihat tarikh luput pada label makanan, tidak membeli makanan yang sudah lapuk dan perlu berhati-hati dengan bau, rasa serta penampilan yang tidak normal terhadap sifat makanan tersebut. Jika pengguna mempunyai keraguan tentang keselamatan sesuatu makanan, lebih baik makanan tersebut tidak dibeli atau dimakan (Marsha Surujlal, 2014).

#### **4.3.3 Amalan Terhadap Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

Amalan keselamatan makanan yang baik akan membantu mengurangkan risiko keracunan makanan dalam kalangan murid sekolah. Hasil kajian ini mendapati 59.2% murid menunjukkan amalan yang baik berkaitan keselamatan makanan. Secara keseluruhannya, amalan murid adalah baik tetapi masih terdapat amalan keselamatan makanan yang kurang diamalkan oleh murid dan perlu dipertingkatkan.

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti murid tidak makan roti yang sudah berkulat dan makanan yang telah diinggapi lalat atau serangga lain. Selain itu, mereka membaca tarikh luput pada pembungkus makanan dan mencuci tangan sebelum makan. Amalan baik oleh murid ini akan mengurangkan risiko keracunan makanan kepada mereka.

Dua amalan kurang baik yang diamalkan oleh murid melalui kajian ini adalah membeli makanan yang dibungkus dengan surat khabar dan kerap membeli makanan yang dijual di tepi jalan. Kajian oleh Goa J et al. (2016), mendapati 75% murid akan membeli makanan dari penjaja yang tidak berlesen yang kebiasaannya lebih sedap namun berisiko untuk tidak selamat.



Hasil kajian juga mendapati, jantina murid dan pekerjaan ibu bapa atau penjaga murid menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap amalan murid terhadap keselamatan makanan. Murid perempuan didapati menunjukkan amalan yang baik berbanding lelaki. Pekerjaan ibu bapa penjaga juga didapati mempengaruhi amalan murid terhadap keselamatan makanan. Kesedaran ibu bapa terhadap keselamatan makanan sebenarnya memainkan peranan penting terhadap amalan murid. Ibu bapa yang bekerja dan tidak bekerja didapati sama-sama mempengaruhi amalan murid dalam perkara ini. Justeru, pendidikan kesihatan yang berterusan amat penting bagi meningkatkan kesedaran dan amalan baik murid sekolah dan masyarakat dalam mengurangkan risiko keracunan makanan melalui amalan keselamatan makanan yang baik.

#### **4.3.4 Pelaksanaan Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

Penyediaan makanan yang selamat di kantin sekolah akan mengelakkan terjadinya risiko keracunan makanan. Ini kerana walaupun 75.2% murid menyatakan mereka mengambil sarapan pagi di rumah, namun majoriti murid tetap akan mendapatkan bekalan makanan di kantin sekolah dengan kekerapan lebih 4 kali seminggu. Antara makanan yang menjadi kegemaran murid di sekolah ialah nasi ayam, nasi lemak dan makanan berasaskan mi. Justeru pelaksanaan keselamatan makanan di sekolah adalah amat penting.

#### **4.3.5 Sumber Maklumat Keselamatan Makanan Murid Tahun Empat (4) dan Lima (5)**

Secara amnya, maklumat berkaitan keselamatan makanan boleh didapati di kantin sekolah. Kajian ini mendapati majoriti murid pernah mendapat maklumat berkaitan keselamatan makanan dan hampir separuh daripada murid menyatakan mereka mendapat sumber maklumat tersebut daripada Guru Kesihatan. Bagi mengukuhkan lagi penerimaan maklumat yang menggalakkan perubahan tingkah laku, program intervensi pendidikan keselamatan makanan merupakan cara yang terbaik dalam meningkatkan pengetahuan murid terhadap keselamatan makanan (Nam-E Kang, 2010). Aktiviti pemerksaan murid berkaitan keselamatan makanan yang diperoleh di sekolah melalui Program Doktor Muda, *Germ Buster*, Anugerah 3K dan Anugerah Amalan Perkhidmatan Kantin perlu dipertingkatkan dan diperluaskan ke sekolah-sekolah di Malaysia. Selain itu, Pasukan Kesihatan Sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendedahan pendidikan kesihatan.

## **5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Secara keseluruhannya pengetahuan dan amalan responden (Pentadbir Sekolah, Guru Kelas Tahap Dua (2), Guru Pendidik Kesihatan, dan Ibu bapa atau penjaga) dalam kajian ini adalah pada tahap yang baik. Walau bagaimanapun, sikap responden didapati tidak konsisten dengan pengetahuan dan amalan mereka.

Manakala pengetahuan, sikap dan amalan pengusaha kantin adalah pada tahap sederhana. Perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan mereka telah diberikan latihan oleh KKM serta merupakan golongan yang bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan makanan secara langsung kepada guru dan murid di sekolah.

Sikap dan amalan murid terhadap keselamatan makanan pula didapati pada tahap sederhana. Justeru ianya perlu ditingkatkan bagi memperkasakan murid mengamalkan amalan keselamatan makanan yang baik kerana mereka merupakan golongan yang berisiko untuk mendapat keracunan berbanding orang dewasa.

### **5.1 Cadangan-Cadangan Berikut Dikemukakan Berdasarkan Hasil Kajian:**

- 5.1.1 Memperkasakan program pendidikan keselamatan makanan seperti *Germ Buster* dan Program Doktor Muda dengan mendapatkan kerjasama dan penglibatan pihak swasta dalam merancang dan menjayakan program intervensi bagi permasalahan yang telah didapati melalui kajian ini sebagai langkah penambahbaikan yang mampan.

- 5.1.2 Modul Latihan Pengendali Makanan oleh KKM perlu disemak semula dan ditambahbaik bagi memastikan latihan yang diberikan oleh SLPM kepada pengusaha kantin dan pengendali makanan adalah berkesan. Selain itu, latihan semula kepada pengusaha kantin dan pengendali makanan yang terlibat dengan kejadian keracunan makanan di sekolah terus dikekalkan dan dipertingkatkan.
- 5.1.3 Meningkatkan aktiviti pemeriksaan ke kantin-kantin sekolah oleh pegawai penguatkuasa KKM sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Pemeriksaan perlu lebih kerap dilakukan ke atas premis yang mempunyai aduan atau kes keracunan makanan.
- 5.1.4 Garis Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat perlu dikaji semula berdasarkan dapatan kajian ini untuk memperbaiki kualiti pengurusan dan perkhidmatan kantin. Pemerikasaan peranan jawatankuasa kantin di sekolah-sekolah diharapkan dapat meningkatkan usaha mencegah kejadian keracunan makanan.
- 5.1.5 Skop perkhidmatan di dalam kontrak pembersihan sekolah perlu ditambahbaik dengan mewajibkan penyediaan sabun cecair dan tisu bersama tong sampah di dalam tandas dengan mencukupi bagi memastikan warga sekolah dapat mencuci tangan dengan sempurna selepas menggunakan tandas.
- 5.1.6 Skop di dalam kontrak penyewaan dan pengurusan kantin sekolah perlu ditambahbaik dengan mewajibkan penyediaan sabun cecair dan tisu bersama tong sampah di kawasan kantin dengan mencukupi bagi memastikan warga sekolah dapat mencuci tangan dengan sempurna sebelum dan selepas makan.
- 5.1.7 Memperkasakan warga sekolah dengan pengetahuan dan kemahiran keselamatan makanan melalui perkongsian ilmu oleh pihak KKM seperti berikut:
- Penyediaan teks ucapan perhimpunan oleh guru besar berkaitan topik keselamatan makanan.
  - Mengkaji semula silibus keselamatan makanan di sekolah rendah untuk pengukuhan dengan mengambilkira dapatan kajian ini.
  - Lawatan teknikal Pegawai Teknologi Makanan ke sekolah sekiranya perlu dalam meningkatkan kefahaman warga sekolah mengenai keselamatan makanan.
- 5.1.8 KKM mewujudkan kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) melalui pihak sekolah bagi menyampaikan maklumat keselamatan makanan kepada ibu bapa atau penjaga melalui program-program yang bersesuaian di bawah anjuran PIBG dan sekolah.
- 5.1.9 Menggunakan platform media sosial seperti aplikasi Facebook, Twitter dan Instagram bagi penyebaran dan perkongsian maklumat keselamatan makanan kepada warga sekolah. Selain itu menggunakan pengaruh Instafamous sebagai ikon dapat menarik minat golongan sasaran.
- 5.1.10 Menekankan penyediaan bekalan makanan yang bersih dan selamat kepada murid-murid oleh ibu bapa atau penjaga perlu dikendalikan dengan baik agar risiko keracunan makanan dapat dielakkan. Ini kerana jika masa makanan itu disediakan terlalu awal dan langkah dimakan oleh murid melebihi tempoh 4 jam adalah merupakan penyumbang berlakunya kejadian keracunan makanan.
- 5.1.11 Mensyaratkan pengusaha kantin wajib mempunyai pensijilan yang diiktiraf oleh KKM iaitu pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS).



## 6.0 RUJUKAN

- Abera B; Biadegelgen F; Bezabih B. (2010). Prevalence of Salmonella typhi and intestinal parasites among food handlers in Bahir Dar Town, Northwest Ethiopia. *Ethiop. J. Health Dev*, 24(1)
- Akabanda, F., Hlortsi, E. H., & Owusu-Kwarteng, J. (2017). Food safety knowledge, attitudes and practices of institutional food-handlers in Ghana. *BMC public health*, 17(1), 40.
- Almansour, M., Sami, W., Al-Rashedy, O. S., Alsaab, R. S., Alfayez, A. S., & Almarri, N. R. (2016). Knowledge, attitude, and practice (KAP) of food hygiene among schools students' in Majmaah city, Saudi Arabia. *JPMA. The Journal of the Pakistan Medical Association*, 66(4), 442-446.
- Bryan, F. L. (1988). Risks of practices, procedures and processes that lead to outbreaks of foodborne diseases. *Journal of food protection*, 51(8), 663-673.
- Baş, M., Ersun, A. Ş., & Kıvanç, G. (2006). The evaluation of food hygiene knowledge, attitudes, and practices of food handlers' in food businesses in Turkey. *Food control*, 17(4), 317-322.
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian kesihatan Malaysia (2015). <http://mohklik.moh.gov.my>
- Curtis, V., & Cairncross, S. (2003). Effect of washing hands with soap on diarrhoea risk in the community: a systematic review. *The Lancet infectious diseases*, 3(5), 275-2
- Cheng, Y., Zhang, Y., Ma, J., & Zhan, S. (2017). Food safety knowledge, attitude and self-reported practice of secondary school students in Beijing, China: A cross-sectional study. *PloS one*, 12(11), e0187208.
- Deathrage, A. J. (1975). Food Poisoning. *The Health Education Journal*.
- Gavaravarapu, S. R. M., Vemula, S. R., Rao, P., Mendu, V. V. R., & Polasa, K. (2009). Focus group studies on food safety knowledge, perceptions, and practices of school-going adolescent girls in South India. *Journal of nutrition education and behavior*, 41(5), 340-346.
- Goa, J., Ji, YY., Chen, GJ. (2016) Survey On Food Safety And Eating Habits Of Beijing Residents. *Capital Medicine*. Jun 17;23(11):40-3
- Hunter, G.L., & Garnefeld, I. (2008). When Does Consumer Empowerment Lead to Satisfied Customers? Some Mediating and Moderating Effects of the Empowerment-Satisfaction Link. *Journal of Research for Consumers*, 15(1), 1-14.
- KKM (2016). Kenyataan Akhbar KPK. Kejadian keracunan Makanan di Sekolah Seluruh Malaysia. 28 April 2016. <https://kpkkesihatan.com>.
- Lawley, R., Curtis, L., and Davis, J., (2008). *The Food Safety Hazard Guidebook*. United Kingdom: RCS Publishing.
- Losasso, C., Cibir, V., Cappa, V., Roccato, A., Vanzo, A., Andrighetto, I., & Ricci, A. (2012). Food safety and nutrition: Improving consumer behaviour. *Food Control*, 26(2), 252-258.
- Martins, R. B., Hogg, T., & Otero, J. G. (2012). Food handlers' knowledge on food hygiene: The case of a catering company in Portugal. *Food Control*, 23(1), 184-190.
- Mullan, B.A., Wong, C., & Kothe, E. J. (2013). Predicting adolescents' safe food handling using an extended theory of planned behavior. *Food Control*, 31(2), 454-460.
- Nee, S. O., & Sani, N.A. (2011). Assessment of knowledge, attitudes and practices (KAP) among food handlers at residential colleges and canteen regarding food safety. *Sains Malaysiana*, 40(4), 403-410.

- Pava-Ripoll, M., Pearson, R. E., Miller, A. K., & Ziobro, G. C. (2015). Detection of foodborne bacterial pathogens from individual filth flies. *Journal of visualized experiments: JoVE*, (96).
- Sanlier, N., and Konaklioglu, E. (2012). Food safety knowledge, attitude and food handling practices of students. *British Food Journal*, 114(4), 469– 480.
- Said, M. R. B. M., & Noor, N.A. B. M. (2010). Amalan Kebersihan Makanan Dalam Kalangan Pengendali-pengendali Kantin Di Sekolah Zon Skudai. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Diakses dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11785682.pdf>.
- Scarborough, M. F. (2002). Hand Washing in Georgia's Public Schools—A Community Needs Assessment and Intervention Study. Unpublished graduate thesis. Emory University, Atlanta GA, USA.
- Sharif, L., & Al-Malki, T (2010). Knowledge, attitude and Practices of Taif University Students of Food Poisoning. *Food Control*, 21(1):55-60.
- Surujlal, M., & Badrie, N. (2004). Household consumer food safety study in Trinidad, West Indies. *Internet journal of food safety*, 3, 8-14.
- Undang-undang Malaysia. Akta Makanan 1983., Akta 281
- Undang-undang Malaysia. Akta Makanan 1983. Peraturan-peraturan kebersihan makanan 2009.
- Vivas, A., Gelaye, B., Aboset, N., Kumie, A., Berhane, Y., & Williams, M.A. (2010). Knowledge, attitudes, and practices (KAP) of hygiene among school children in Angolela, Ethiopia. *Journal of preventive medicine and hygiene*, 51(2), 73.
- WHO (2015). Food Safety: What you should know. <http://www.searo.who.int>
- WHO (2015). WHO estimates of the global burden of foodborne diseases: foodborne disease burden epidemiology reference group 2007-2015. <http://apps.who.int/iris/handle/10665/199350>

## **7. Lampiran**





**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



## SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKANAN

### PROFIL SEKOLAH

#### LAMPIRAN A: SOAL SELIDIK PROFIL SEKOLAH

**Panduan: Isikan maklumat di tempat kosong.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
A1	Nombor kod sekolah	<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
A2	Nama dan alamat sekolah	
A3	Bilangan guru	<input type="text"/> <input type="text"/> Orang
A4	Bilangan murid tahun 2016	
	a. Keseluruhan	<input type="text"/> <input type="text"/> Orang
	b. Lelaki	<input type="text"/> <input type="text"/> Orang
	c. Perempuan	<input type="text"/> <input type="text"/> Orang

## B. MAKLUMAT GURU BESAR

**Panduan: Sila bulatkan jawapan dan isikan maklumat di tempat kosong.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
B1	Nama Guru Besar	
B2	Tempoh perkhidmatan Guru Besar di sekolah ini	<input type="text"/> <input type="text"/> Tahun
B3	Jantina	1 = Lelaki                      2 = Perempuan
B4	Tahap pendidikan	1 = SRP/PMR/SPM            2 = Diploma/STPM 3 = Ijazah                      4 = Sarjana 5 = Ijazah Kedoktoran 6 = Lain-lain (Nyatakan): _____

## C. INFRASTRUKTUR DAN FASILITI SEKOLAH

**Panduan: Sila bulatkan jawapan anda.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
C1	Bagaimanakah sumber elektrik dibekalkan ke sekolah ini? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Tenaga Nasional Berhad (TNB)/ Sabah Energy/Sarawak Energy 2 = Set Generator 3 = Panel Solar 4 = Tiada bekalan elektrik 5 = Lain-lain (Nyatakan): _____
C2	Bagaimanakah sumber air minuman dibekalkan ke sekolah ini?	1 = Perigi 2 = Sungai 3 = Tasik 4 = Air Hujan 5 = Jabatan Bekalan Air 6 = Lain-lain (Nyatakan): _____

NO.	SOALAN	JAWAPAN
C3	Bagaimanakah pencahayaan di dalam bilik darjah?	1 = Baik 2 = Memuaskan 3 = Tidak memuaskan
C4	Bagaimanakah keadaan kebersihan di persekitaran sekolah?	1 = Baik 2 = Memuaskan 3 = Tidak memuaskan
C5	Adakah terdapat tandas murid di sekolah?	1 = Ya                      2 = Tidak
C6	Jika Ya, berapa banyak tandas terdapat di sekolah?	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> Tandas
C7	Adakah terdapat sebarang kerosakan tandas murid?	1 = Tiada kerosakan 2 = Kerosakan kecil 3 = Kerosakan besar
C8	Bagaimanakah keadaan kebersihan tandas murid tersebut?	1 = Bersih 2 = Sederhana bersih 3 = Tidak bersih
C9	Adakah terdapat air bersih yang mencukupi dalam tandas murid?	1 = Ya                      2 = Tidak
C10	Adakah terdapat sabun dalam setiap tandas?	1 = Ya                      2 = Tidak
C11	Adakah terdapat sinki membasuh tangan di sekolah?	1 = Ya                      2 = Tidak
C12	Jika Ya, di manakah sinki tersebut disediakan? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Kantin 2 = Tandas 3 = Dewan makan 4 = Bilik darjah 5 = Lain-lain (Nyatakan) : _____
C13	Adakah sabun disediakan pada setiap sinki?	1 = Ya                      2 = Tidak
C14	Adakah terdapat kemudahan sanitasi (bekalan air panas/ larutan alkohol/ cecair pembasmi kuman) di sekolah?	1 = Ya                      2 = Tidak
C15	Jika Ya, di manakah kemudahan tersebut disediakan? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Bilik darjah 2 = Bilik guru 3 = Kantin 4 = Bilik rawatan 5 = Lain-lain (Nyatakan): _____

NO.	SOALAN	JAWAPAN
C16	Adakah terdapat kantin di sekolah ini?	1 =Ya                      2 = Tidak
C17	Adakah terdapat dapur asrama di sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
C18	Jika Ya, bagaimanakah keadaan kemudahan dapur asrama tersebut?	1 = Baik 2 = Memuaskan 3 = Tidak memuaskan
C19	Adakah terdapat pagar yang mengelilingi kawasan sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
C20	Adakah terdapat penjualan makanan di luar pagar sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
C21	Adakah terdapat tong sampah yang disediakan di sekolah ini?	1 =Ya                      2 = Tidak
C22	Jika Ya, di manakah tong sampah tersebut di tempatkan?	1 = Kantin 2 = Tandas 3 = Dewan makan 4 = Bilik darjah 5 = Lain-lain (Nyatakan): _____
C23	Adakah terdapat tempat pelupusan sampah dalam kawasan sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
C24	Jika Ya, adakah tempat pelupusan sampah diuruskan dengan baik?	1 =Ya                      2 = Tidak
C25	Adakah terdapat kemudahan internet di sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
C26	Jika Ya, adakah murid mempunyai kemudahan capaian tersebut?	1 =Ya                      2 = Tidak
C27	Adakah terdapat risalah keselamatan makanan disediakan di sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak



## D. PELAKSANAAN KESELAMATAN MAKANAN

**Panduan: Sila bulatkan jawapan anda.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
D1	Adakah terdapat Unit Kesihatan di sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
D2	Adakah Unit Kesihatan aktif di sekolah?	1 =Ya                      2 = Tidak
D3	Adakah Unit Kesihatan menyelia aktiviti kesihatan murid di sekolah ini?	1 =Ya                      2 = Tidak
D4	Adakah terdapat aktiviti keselamatan makanan dijalankan di bawah Unit Kesihatan tersebut?	1 =Ya                      2 = Tidak
D5	Adakah terdapat pasukan keselamatan makanan disekolah (Skuad <i>Germ Buster</i> , Kelab Doktor Muda atau lain-lain)?	1 =Ya                      2 = Tidak

## E. PERATURAN KESELAMATAN MAKANAN

**Panduan: Sila bulatkan jawapan anda.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
E1	Adakah terdapat peraturan berkaitan keselamatan makanan di sekolah ini?	1 = Ya                      2 = Tidak
E2	Apakah aspek yang dikawal di bawah keselamatan makanan? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Pelabelan makanan 2 = Pemeriksaan kantin (KENDIRI) 3 = Suntikan vaksin pengendali makanan 4 = Pemeriksaan kesihatan 5 = Latihan Pengendali Makanan (LPM) 6 = Lain-lain (Nyatakan): _____
E3	Jika berlaku ketidakpatuhan pada peraturan yang dikeluarkan di sekolah mengenai keselamatan makanan, apakah tindakan yang telah diambil? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Larangan untuk tidak lagi menjual makanan 2 = Penutupan kantin / dapur asrama 3 = Tiada tindakan yang diambil 4 = Lain-lain (Nyatakan) : _____
E4	Adakah terdapat garis panduan bagi pengusaha kantin berkenaan keselamatan makanan?	1 =Ya                      2 =Tidak

NO.	SOALAN	JAWAPAN
E5	Siapakah yang memberikan garis panduan tersebut? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Guru Unit Kesihatan 2 = Guru Kelas 3 = Pengusaha Kantin 4 = Guru Sukan 5 = Lain-lain (Nyatakan): _____

## F. PENDIDIKAN KESELAMATAN MAKANAN

**Panduan: Sila bulatkan jawapan anda.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
F1	Adakah sekolah pernah memberikan taklimat mengenai keselamatan makanan kepada para murid?	1 = Ya      2 = Tidak 3 = Tidak pernah dilaksanakan
F2	Jika Ya, siapakah yang memberikan taklimat tersebut? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Guru Unit Kesihatan 2 = Guru Kelas 3 = Guru Sukan 4 = Tidak Berkaitan 5 = Lain-lain (Nyatakan): _____
F3	Adakah taklimat diberikan secara berkala?	1 = Ya      2 = Tidak 3 = Tidak pernah dilaksanakan
F4	Adakah sekolah pernah menerima taklimat berkenaan keselamatan makanan dari pihak luar?	1 = Ya      2 = Tidak 3 = Tidak pernah dilaksanakan
F5	Jika Ya, pihak manakah yang telah memberikan taklimat tersebut? (Jawapan boleh lebih daripada satu)	1 = Sekolah lain 2 = Pejabat Kesihatan Daerah 3 = Kerajaan Negeri 4 = Kementerian Pendidikan 5 = Kementerian Kesihatan 6 = Tidak berkaitan 7 = Lain-lain (Nyatakan): _____
F6	Adakah sekolah ini menjalankan program pemeriksaan KENDIRI?	1 = Ya      2 = Tidak
F7	Adakah anda maklum tentang sistem penggredan kantin sekolah?	1 = Ya      2 = Tidak

NO.	SOALAN	JAWAPAN
F8	Adakah sekolah ini pernah menyertai pertandingan kantin bersih, selamat dan sihat yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan?	1 = Ya      2 = Tidak
F9	Adakah sekolah ini pernah memenangi pertandingan tersebut?	1 = Ya      2 = Tidak

	DI ISI OLEH PENGKAJI LAPANGAN  No. Kod Sekolah <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/>	DI ISI OLEH IPTK  No. ID <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>
Untuk kegunaan pejabat		

**TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA**

**UNTUK KEGUNAAN KUMPULAN PENGKAJI LAPANGAN**

JAWATAN	NAMA	T/TANGAN	TARIKH
PENGUMPUL DATA			
PENYELIA LAPANGAN			
PENGURUS KAJIAN			
	KAJIAN 1	KAJIAN 2	TARIKH AKHIR PENGUMPULAN DATA
Tarikh	<input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> Hari      Bulan      Tahun	<input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> Hari      Bulan      Tahun	<input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> Hari      Bulan      Tahun



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



## SOAL SELIDIK KESELAMATAN MAKANAN

### PENTADBIR SEKOLAH

#### A. PROFIL DIRI

**Panduan: Sila bulatkan jawapan dan isikan maklumat di tempat kosong.**

NO.	SOALAN	JAWAPAN
A1	Jawatan	1 = Guru Besar      2 = PK I 3 = PK HEM      4 = PK Ko-Ku 5 = Guru Kanan @ Ketua Bidang
A2	Jantina	1 = Lelaki      2 = Perempuan
A3	Umur	<input type="text"/> <input type="text"/> Tahun
A4	Etnik	1 = Melayu      2 = Cina 3 = India      4 = Orang Asli 5 = Bumiputra Sabah      6 = Bumiputra Sarawak 7 = Lain-lain (Nyatakan): _____
A5	Tahap pendidikan	1 = SRP/PMR/SPM      2 = Diploma/STPM 3 = Ijazah      4 = Sarjana 5 = Ijazah Kedoktoran 6 = Lain-lain(Nyatakan): _____
A6	Tempoh perkhidmatan anda di sekolah ini	<input type="text"/> <input type="text"/> tahun <input type="text"/> <input type="text"/> bulan

## B. KESEDARAN KESELAMATAN MAKANAN

**Panduan: Sila baca pernyataan berikut dan tandakan “√” pada ruangan “Betul” atau “Salah” mengikut jawapan anda.**

NO.	SOALAN	BETUL	SALAH
B1	Keracunan makanan (sakit perut, cirit-birit dan muntah-muntah) boleh dicegah jika makan dengan tangan yang bersih.		
B2	Persekitaran yang kotor tidak menyebabkan pencemaran makanan.		
B3	Pewarna tiruan (rodhamine B) dalam makanan boleh menyebabkan keracunan makanan.		
